



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**ANALISIS KRITIKAN SOSIAL DALAM FILEM
MELAYU ZOMBI KAMPUNG PISANG**

DISEDIAKAN OLEH

FATIN NADHIRAH BINTI MUHAMMAD ANUAR LOH


Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN UNIVERSITI
MALAYSIA KELANTAN**

2021


PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang dirangkumkan di dalam kajian ini adalah berdasarkan penyelidikan asal dan belum diserahkan untuk darjah tertinggi bagi mana-mana Universiti dan Institusi.




TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera dan boleh didapati dalam bentuk salinan dan dalam talian (teks penuh).



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rasmi Rahsia 1972)*



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad seperti yang ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dilakukan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak seperti berikut :

1. Laporan ini adalah hak Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan mempunyai hak untuk salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Tandatangan _____

Tandatangan Penyelia _____

Nama: FATIN NADHIRAH BINTI
MUHAMMAD ANUAR LOH

Nama: EN.HIDAYAT BIN HAMID

Tarikh: _____

Tarikh: _____

Nota: Jika laporan ini SULIT ATAU TERHAD, sila kepilkan Bersama surat daripada organisasi yang menyatakan masa dan sebab untuk kesulitan dan pembatasan

ABSTRAK

Kritikan sosial dalam filem merupakan suatu perkara yang sangat penting kerana filem adalah sebahagian daripada cerminan masyarakatnya. Pelbagai kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem terutamanya filem Melayu. Hal ini dapat dilihat, melalui filem-filem karya arahan Mamat Khalid yang banyak memaparkan kritikan sosial dalam kalangan masyarakat seperti filem *Zombi Kampung Pisang*. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis secara kritis kritikan sosial yang terdapat dalam filem *Zombi Kampung Pisang*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan cara pengumpulan data dan menganalisis data tersebut. Antaranya ialah kelunturan semangat patriotik, gejala rempit dalam kalangan masyarakat, golongan muda yang terlibat dengan gejala vandalisme dan golongan asing yang menyerang serta menjajah kehidupan masyarakat Melayu. Justeru itu, kajian ini mampu untuk membuka ruang kepada penyelidik akan datang bagi mengkaji kritikan sosial yang terdapat dalam filem Melayu yang telah diterbitkan di Malaysia iaitu filem *Zombi Kampung Pisang* arahan Mamat Khalid.

ABSTRACT

Social criticism in film is one of the important matters where it resembles the society. Various social criticisms were featured in the films, especially in Malay films. This can be seen through the film directed by Mamat Khalid that portrayed social criticism in the society such as *Zombi Kampung Pisang*. Therefore, this study is to identify and critically analyze the social criticism in the film *Zombi Kampung Pisang*. This study utilizes the qualitative method, in terms of collecting and analyzing the data. The results of the study revealed that the film is lack of patriotism, illegal racing in society, vandalism and cultural imperialism among Malay community. So because of that, this study opens an opportunity to future researchers to study social criticism found in the Malay film produced in Malaysia by Mamat Khalid.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurniaNya akhirnya tesis ini dapat disiapkan.

Sekalung penghargaan kepada ibu saya Rohaya binti Ahmad dan bapa saya Muhammad Anuar

Loh bin Abdullah kerana memberikan inspirasi kepada saya untuk terus menuntut ilmu.

Terima kasih juga kepada pensyarah saya En Hidayat Hamid yang sanggup menerima saya sebagai anak muridnya sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis ini. Terima kasih juga kerana ilmu yang dicurahkan kepada saya serta memberikan panduan dan komen yang membina bagi menyiapkan tesis ini.

Dan lupa juga rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak juga menolong saya dalam menyiapkan dan membantu saya untuk menyelesaikan kajian penyelidikan dan penulisan tesis.

Sekian sahaja daripada saya. Terima kasih.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI JADUAL

JADUAL

JADUAL 4.1 Jantina responden

JADUAL 4.2 Umur responden

JADUAL 4.3 Status responden

JADUAL 4.4 Bangsa responden

JADUAL 4.5 Tahap pendidikan responden

JADUAL 4.6 Pekerjaan responden

JADUAL 4.7 Menunjukkan adakah anda rasa filem Zombi Kampung Pisang ini memberi kesan kepada masyarakat tentang kepentingan kritikan sosial

JADUAL 4.8 Menunjukkan adakah filem yang menekankan dari segi kritikan sosial iaitu mengangkat isu kemasyarakatan dapat dilihat dalam filem Zombi Kampung Pisang

JADUAL 4.9 Menunjukkan adakah wajar golongan asing yang menyerang dan menjajah kehidupan masyarakat Melayu yang ditunjukkan dalam filem Zombi Kampung Pisang

JADUAL 4.10 Menunjukkan pada pandangan anda sebagai penonton, adakah kritikan sosial yang disampaikan oleh Mamat Khalid dalam filem Zombi Kampung Pisang ini memberi kesan yang baik

JADUAL 4.11 Menunjukkan adakah kritikan sosial dalam file mini juga merupakan suatu perkara yang sangat penting kerana filem adalah sebahagian daripada cerminan masyarakat

JADUAL 4.12 Menunjukkan adakah Mamat Khalid ini merupakan seorang pengarah yang banyak dengan idea menarik dan beliau juga peka dengan latar sosial atau masalah sosial dalam filem arahnya ini

JADUAL 4.13 Menunjukkan adakah kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem Zombi Kampung Pisang ini merupakan cara yang berkesan digunakan oleh seseorang pengarah bagi menyampaikan idea atau kritikan terhadap masyarakat

JADUAL 4.14 Menunjukkan wajarkah kelunturan semangat patriotic dalam kalangan masyarakat filem Zombi Kampung Pisang ini wujud

JADUAL 4.15 Menunjukkan adakah golongan muda akan terjebak dengan vandalism sekiranya masyarakat tidak prihatin terhadap keamanan negara yang ditunjukkan dalam filem Zombi Kampung Pisang

JADUAL 4.16 Menunjukkan patutkah budaya asing yang bergejala dalam kalangan masyarakat Zombi Kampung Pisang ini dikurangkan agar dapat membentuk semula perpaduan kaum

JADUAL 4.17 Menunjukkan adakah anda sebagai penonton filem yang menonton filem Zombi Kampung Pisang ini menyokong pengarah Mamat Khalid yang menghasilkan filem sebegini kepada masyarakat

SENARAI GAMBARRAJAH

GAMBARRAJAH

RAJAH 4.1: Carta pai mengenai jantina responden

RAJAH 4.2: Carta pai mengenai peratusan umur responden

RAJAH 4.3: Carta pai mengenai peratusan status responden

RAJAH 4.4: Carta pai mengenai peratusan bangsa responden

RAJAH 4.5: Carta pai mengenai peratusan tahap pendidikan responden

RAJAH 4.6: Carta pai mengenai peratusan pekerjaan responden

RAJAH 4.7: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan adakah anda rasa filem Zombi Kampung Pisang ini memberi kesan kepada masyarakat tentang kepentingan kritikan sosial

RAJAH 4.8: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan adakah filem yang menekankan dari segi kritikan sosial iaitu mengangkat isu kemasyarakatan dapat dilihat dalam filem Zombi Kampung Pisang

RAJAH 4.9: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan adakah wajar golongan asing yang menyerang dan menjajah kehidupan masyarakat Melayu yang ditunjukkan dalam filem Zombi Kampung Pisang

RAJAH 4.10: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan pada pandangan anda sebagai penonton, adakah kritikan sosial yang disampaikan oleh Mamat Khalid dalam filem Zombi Kampung Pisang ini memberi kesan yang baik

RAJAH 4.11: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan adakah kritikan sosial dalam filem ini juga merupakan suatu perkara yang sangat penting kerana filem adalah sebahagian daripada cerminan masyarakat

RAJAH 4.12: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan adakah Mamat Khalid ini merupakan seorang pengarah yang banyak dengan idea menarik dan beliau juga peka dengan latar sosial atau masalah sosial dalam filem arahnya ini

RAJAH 4.13: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan adakah kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem Zombi Kampung Pisang ini merupakan cara yang berkesan digunakan oleh seseorang pengarah bagi menyampaikan idea atau kritikan terhadap masyarakat

RAJAH 4.14: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan wajarkah kelunturan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat filem Zombi Kampung Pisang ini wujud

RAJAH 4.15: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan adakah golongan muda akan terjebak dengan vandalism sekiranya masyarakat tidak prihatin terhadap keamanan negara yang ditunjukkan dalam filem Zombi Kampung Pisang

RAJAH 4.16: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan patutkah budaya asing yang bergejala dalam kalangan masyarakat Zombi Kampung Pisang ini dikurangkan agar dapat membentuk semula perpaduan kaum

RAJAH 4.17: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan adakah anda sebagai penonton filem yang menonton filem Zombi Kampung Pisang ini menyokong pengarah Mamat Khalid yang menghasilkan filem sebegini kepada masyarakat

Senarai Kandungan

Perkara	Muka surat
Abstrak	I
Abstract	ii
Penghargaan	iii
Senarai Jadual	iv-v
Senarai Gambarajah	vi-vii
Bab 1 : Pendahuluan	
1.0 Pengenalan	1-3
1.1 Latar Belakang Kajian	4
1.2 Biografi Pengarah	5
1.3 Permasalahan Kajian	6-7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8-9
1.6 Batasan Kajian	9-10
1.7 Kepentingan Kajian	10-13
1.8 Kesimpulan	13
Bab 2 : Kajian Literatur	
2.0 Pengenalan	14
2.1 Kajian Lepas	14
2.1.1 Kajian Terhadap Filem Sebagai Genre Sastera	14-18
2.1.2 Kajian Terhadap Filem Melayu Dalam Keadilan Sosial	19-20
2.1.3 Kajian Terhadap Kritikan Sosial	21-24
2.2 Kesimpulan	24
Bab 3 : Metodologi Kajian	
3.0 Pengenalan	25-26
3.1 Penyelidikan Kaedah Campuran	26-27
3.1.1 Tinjauan Soal Selidik	27-28
3.1.2 Perbincangan Kumpulan Fokus	28-29
3.2 Pengumpulan Data	30-31
3.2.1 Kaedah Pengumpulan Data Kualitatif	31
3.2.2 Kaedah Pengumpulan Data Kuantitatif	31-32
3.2.3 Penyelidikan Tinjauan Soal Selidik	32-33

3.3	Kesimpulan	34
Bab 4 : Dapatan Kajian		
4.0	Pengenalan	35
4.1	Analisis Persoalan	36
4.2	Data Demografi Responden	37
	4.2.1 Jantina Responden	37-38
	4.2.2 Umur Responden	38
	4.2.3 Status Responden	39
	4.2.4 Bangsa Responden	40
	4.2.5 Tahap Pendidikan Responden	41
	4.2.6 Pekerjaan Responden	42
4.3	Soalan Soal Selidik	43
	4.3.1 Adakah Anda Rasa Filem Zombi Kampung Pisang Ini	43-44
	Memberi Kesan Kepada Masyarakat Tentang Kepentingan Kritikan Sosial	
	4.3.2 Adakah Filem Yang Menekankan Dari Segi Kritikan Sosial	
	laitu Mengangkat Isu Kemasyarakatan Dapat Dilihat Dalam Filem Zombi	44-45
	Kampung Pisang	
	4.3.3 Adakah Wajar Golongan Asing Yang Menyerang Dan	
	Menjajah Kehidupan Masyarakat Melayu Yang Ditunjukkan Dalam Filem	45-46
	Zombi Kampung Pisang	
	4.3.4 Pada Pandangan Anda Sebagai Penonton, Adakah Kritikan	
	Sosial Yang Disampaikan Oleh Mamat Khalid Dalam Filem Zombi	46-47
	Kampung Pisang Ini Memberi Kesan Yang Baik	
	4.3.5 Adakah Kritikan Sosial Dalam Filem Ini Juga Merupakan	
	Suatu Perkara Yang Sangat Penting Kerana Filem Adalah Sebahagian	47-48
	Daripada Cerminan Masyarakat	
	4.3.6 Adakah Mamat Khalid Ini Merupakan Seorang Pengarah	
	Yang Banyak Dengan Idea Menarik Dan Beliau Juga Peka Dengan Latar	48-49
	Sosial Atau Masalah Sosial Dalam Filem Arahannya Ini	
	4.3.7 Adakah Kritikan Sosial Yang Dipaparkan Dalam Filem	
	Zombi Kampung Pisang Ini Merupakan Cara Yang Berkesan Digunakan	49-50
	Oleh Seseorang Pengarah Bagi Menyampaikan Idea Atau Kritikan	
	Terhadap Masyarakat	
	4.3.8 Wajarkah Kelunturan Semangat Patriotic Dalam Kalangan	50-51

Masyarakat Filem Zombi Kampung Pisang Ini Wujud	
4.3.9 Adakah Golongan Muda Akan Terjebak Dengan Vandalism Sekiranya Masyarakat Tidak Prihatin Terhadap Keamanan Negara Yang Ditunjukkan Dalam Filem Zombi Kampung Pisang	51-52
4.3.10 Patutkah Budaya Asing Yang Bergejala Dalam Kalangan Masyarakat Zombi Kampung Pisang Ini Dikurangkan Agar Dapat Membentuk Semula Perpaduan Kaum	52-53
4.3.11 Adakah Anda Sebagai Penonton Filem Yang Menonton Filem Zombi Kampung Pisang Ini Menyokong Pengarah Mamat Khalid Yang Menghasilkan Filem Sebegini Kepada Masyarakat	53-54
Bab 5 : Rumusan, Cadangan, Kesimpulan	
5.0 Pengenalan	55
5.1 Golongan Muda Yang Terlibat Dengan Gejala Vandalisme	55-57
5.2 Gejala Rempit Dalam Kalangan Remaja	57-59
5.3 Budaya Asing Yang Menyerang Dan Menjajah Kehidupan Masyarakat Melayu	59-60
5.4 Kelunturan Semangat Patriotik Dalam Kalangan Masyarakat	60-63
5.5 Cadangan	64
5.5.1 Setiap Individu Mestilah Menyemai Semangat Patriotisme	64
5.5.2 Pihak Berkuasa Perlulah Menguatkuasakan Peraturan Dan Mengenakan Hukuman Denda Kepada Pesalah Laku Vandalisme	64-65
5.5.3 Setiap Individu Perlulah Memperkakan Budaya Masyarakat Melayu Daripada Dijajah Oleh Budaya Asing	65
5.6 Kesimpulan	66
Lampiran	67-69
Bibliografi	70-72

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Perkembangan teknologi media dan industri perfileman yang berlaku sejak awal tahun-tahun 1980-an sehingga kini, sesungguhnya memberi kemungkinan kepada filem Melayu untuk kembali ke mercu kegemilangannya sebagai yang pernah dicapai dalam tahun-tahun 1950an. Filem juga dikatakan sebagai media hiburan yang paling berjaya sehingga ianya sudah sehati dengan sosial manusia. Dunia tanpa hiburan tayangan filem pula dikatakan sukar untuk diimajinasikan. Hal ini sedemikian kerana filem bukan hanya berperanan sebagai alat hiburan tetapi juga berkuasa mempengaruhi emosi, minda dan bentuk kehidupan (Abd Aziz Itar, 2008).

Industri perfileman Melayu kini memiliki sejumlah pengarah muda daripada setiap generasi yang terdedah kepada kepelbagaian pengetahuan dan suasana perubahan politik, budaya, sosial dan ekonomi yang rancak. Kegemilangannya bukan sekadar membatasi Nusantara, tetapi akan menembusi peringkat antarabangsa (Naim Haji Ahmad, 1995). Dalam usaha menyediakan tapak agar kegemilangan yang bakal mendatang itu berkekalan dan dapat dipertahankan, para penggerak industri perfileman Melayu seharusnya tidak mengabaikan aspek penyelidikan dan pengembangannya. Usaha dan rancangan yang dilaksanakan tidak seharusnya terhad kepada strategi bagaimana hendak meramaikan jumlah peminat dan penonton sehingga filem Melayu dapat dihati masyarakat tetapi bagaimana filem Melayu dapat dijadikan sebagai bahan pengajaran, pembelajaran, rujukan dan kajian secara akademik serta ilmiah harus juga diusahakan. Kemungkinan pada satu masa nanti, mungkin lebih ramai orang asing yang menjalankan penyelidikan ke atas filem-filem Melayu sebagaimana yang dilalukan ke atas karya-karya sastera. Perkara ini bukanlah mustahil kerana filem adalah “cerminan budaya” kepada masyarakat yang menghasilkannya. Ia dihasilkan oleh karyawan yang mewakili

masyarakat melalui isi naratif dan untuk dilihat, dibaca, ditafsirkan dan dikaji oleh orang lain (Naim Haji Ahmad,1995).

Sejarah perkembangan industri perfileman lahir apabila terciptanya teknik fotografi dan projektor oleh adik-beradik Lumiere (Louis dan Auguste). Mereka ini telah berjaya menayangkan filem pertama pada 28hb Disember 1895 di Grand Café, Paris. Kemudiannya, industri ini berkembang ke benua-benua lain termasuk ke benua Asia manakala filem mengikut Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyung (1996:5) ialah sebagai “imej yang terhasil dalam bentuk visual yang mengandungi unsur-unsur penceritaan yang ditulis dalam bentuk dialog, visual dan bunyi, yang kemudiannya dirakamkan menggunakan kamera dan diolah dengan menggunakan pelbagai kaedah taknikal dan digarap menjadi hasil karya seni yang mempunyai pelbagai kepentingan dan matlamat untuk dipamerkan secara tayangan di panggung-panggung wayang dan televisyen”. Di samping itu, disebabkan filem dihasilkan mempunyai tujuan maka filem itu sudah tentu mempunyai fungsi dalam masyarakat di samping mencerminkan dan menyatakan segi-segi yang kurang jelas dalam masyarakat termasuk estetika (Adi Pranajaya, 1993;6-7). Fungsi sosial filem adalah keterlibatan dalam kehidupan sosial, ekonomi, politik, kepercayaan dan lain-lain.

Filem juga adalah medium pengucapan yang baru diperkenalkan dalam perkembangan sejarah manusia (Asiah Sarji, 1996). Filem adalah medium pengucapan era moden yang mewakili pemikiran, ekspresi dan cita-cita masyarakat yang diselubungi oleh pembikinannya. Dalam hal ini, kebanyakan filem Melayu hanya menampilkan tentang kemewahan dan kekayaan sehinggakan lupa tentang masalah ekonomi yang sedang kita hadapi ketika ini. Kebanyakan filem Melayu hari ini hanya menonjolkan tentang kehidupan korporat, rumah dan kereta mewah. Filem serta drama Melayu sekarang banyak dipengaruhi oleh filem-filem Bollywood yang mengaburkan penonton di seluruh dunia dengan kemewahan yang dipaparkan (S.M. Zakir,2010).

Namun, dari sudut ini terdapat juga pengarah filem yang mengambil berat tentang masalah yang ada terutama masalah sosial dalam kalangan masyarakat iaitu pengarah yang sedang mencatat nama dalam industri perfileman iaitu Mamat Khalid yang cukup peka dengan latar sosial dalam semua filem-filem arahannya. Filem Mamat Khalid seperti *Zombi Kampung Pisang* banyak berlatarkan realiti sosial masyarakat Melayu. Dalam perfileman, latar adalah sebahagian dari karakter filem tersebut. Dalam hal ini, ia bukan sahaja latar semasa tetapi juga zaman lain. Pelakon popular mungkin boleh melariskan filem ini tetapi yang membentuk sesebuah filem antaranya ialah mengangkat latarnya dengan cemerlang. Malangnya, banyak filem tempatan tidak nengendahkan aspek ini. Pengarah lebih teruja dengan cerita dan pelakon malah sekarang ini mereka lebih teruja dengan hantu hingga perkara lain yang penting dipinggirkan. Dalam hal ini, isu sosial dalam kalangan masyarakat akan menjadi permasalahan kajian dalam memperjelaskan lagi apa kritikan sosial yang terdapat dalam filem Melayu iaitu filem arahan Mamat Khalid. Beberapa pengkajian lalu ada memperlihatkan tentang pengkajian terhadap kritikan sosial dalam karya-karya sastera seperti puisi, novel, drama, cerpen dan khususnya filem Melayu ini sendiri.

Seterusnya, kritikan sosial dalam filem ini juga merupakan suatu perkara yang sangat penting kerana filem adalah sebahagian daripada cerminan masyarakatnya. Pelbagai kritikan sosial yang ditonjolkan dalam filem Melayu. Hal ini dapat, dilihat melalui filem-filem Melayu iaitu karya arahan Mamat Khalid yang banyak memaparkan kritikan sosial dalam kalangan masyarakat atau penonton seperti filem *Zombi Kampung Pisang*. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis kritikan sosial yang terdapat dalam filem *Zombi Kampung Pisang*.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Filem *Zombi Kampung Pisang* (2007) telah dipilih untuk menjadi sampel kajian ini. Menurut pandangan Siti Athirah Dzulkifly (2010) dan Aida Rizmariza Kamaruddin (2012) yang mengatakan bahawa kemampuan yang ada pada Mamat Khalid telah banyak mencetuskan idea serta memaparkan isu sosial yang berlaku dalam masyarakat. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini akan menyelesaikan semua masalah yang dihadapi iaitu dengan melakukan kajian terhadap kritikan sosial dalam filem *Zombi Kampung Pisang* dengan menganalisis kritikan sosial dalam filem ini yang telah diterbitkan dan kajian ini akan dinyatakan dengan lebih jelas melalui objektif kajian.

Isu-isu kritikan yang terdapat dalam filem *Zombi Kampung Pisang* ini adalah seperti seperti golongan muda yang terlibat dengan gejala vandalisme, gejala rempit dalam kalangan remaja, budaya asing yang menyerang dan menjajah kehidupan masyarakat Melayu, dan kelunturan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

Di dalam penyelidikan ini, filem *Zombi Kampung Pisang* dijadikan sebagai sampel kajian kerana filem ini sangat relevan. Filem ini juga merupakan filem yang bertemakan filem Zombi. Filem ini juga dapat membantu penyelidik untuk mengkaji filem *Zombi Kampung Pisang* yang menerapkan isu kritikan sosial pada masa kini. Selain itu, genre filem-filem Mamat Khalid ini sememangnya terkenal dengan persoalan dan kritikan sosial masyarakat, ideology dan budaya. Menurut Naim Haji Ahmad beliau menyatakan filem merupakan cerminan budaya kepada masyarakat yang menghasilkannya sebuah cerita bahkan ia dihasilkan oleh karyawan yang mewakili masyarakat melalui isi naratif dan sinematik untuk dilihat, dibaca, ditafsirkan serta dikaji (Naim Haji Ahmad, 1995).

1.2 BIOGRAFI PENGARAH

Pengarah filem Mamat Khalid nama sebenar beliau ialah Mohamad bin Mohd Khalid atau dikenali sebagai Mamat Khalid dan lahir 6 April 1963 merupakan seorang pengarah filem dan penulis lakon layar Malaysia yang terkenal dengan filem-filem bercorak komedi. Beliau ialah adik kepada kartunis Datuk Lat. Dilahirkan di Ipoh, Perak kepada seorang kerani kerajaan dan isterinya merupakan seorang surirumah, Mamat memulakan kerjaya awalnya di pejabat kerajaan sebelum menceburi bidang perfileman. Beliau pertama kali menduduki kerusi pengarah pada 2003 menerusi filem komedi sejarah *Lang Buana*. Seterusnya, beliau mengarahkan filem kedua, filem pertamanya yang bergenre muzikal *Rock* (2005) dan dua filem kesinambungannya *Rock Ool* (2013) dan *Rock Bro!* (2016). Antara karyanya yang terkenal termasuk *Man Laksa* (2006), *Kala Malam Bulan Mengambang* (2008) yang menggunakan konsep filem noir dan *Apokalips X* (2014) yang berkonsepkan manga dan buku komik grafik. Seterusnya, filem terbaru arahnya *Hantu Kak Limah 3* ditayangkan di pawagam pada Ogos (2018). Melangkaui kerjaya filemnya, Mamat merupakan pengasas dan pemilik kafe Sarang Art yang beroperasi di Tanjung Malim, Perak dan dibuka pada 2016.

Pada tahun 2006, Mamat membuat penampilan sebagai juri jemputan di Akademi Fantasia biarpun tidak dikenali memegang sebarang peranan dalam industri muzik selain menjadi pengarah muzik dalam filem. Pada tahun yang sama, beliau kembali menghasilkan filem drama melalui *Man Laksa* yang memberikan dua pencalonan Festival Filem Malaysia. Di samping itu, beliau juga diberi kepercayaan menulis skrip untuk filem *Tipah Tertipu The Movie* arahan Ahmad Idham lakonan kumpulan Ruffedge dan Intan Ladyana. Beliau mencuba genre komedi seram menerusi filem *Zombi Kampung Pisang* filem buatan Malaysia pertama yang menampilkan puaka zombie (mayat hidup).

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan permasalahan kajian yang dihadapi kajian terhadap filem akan dilakukan iaitu dengan memberi tumpuan kepada kritikan sosial dalam filem *Zombi Kampung Pisang*. Justikasi, kajian ini dijalankan ialah untuk menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan kelompangan kajian terhadap kritikan sosial dalam filem dan kebanyakan filem tempatan yang dihasilkan menunjukkan aspek latar sosial itu jarang diberi perhatian. Di samping itu, kajian ini ingin memastikan pandangan (Siti Athirah Dzulkifly,2010) dan (Aida Rizmariza Kamaruddin,2012) yang mengatakan bahawa kemampuan yang ada pada Mamat Khalid telah banyak mencetuskan idea serta memaparkan isu sosial yang berlaku dalam masyarakat. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini akan menyelesaikan semua masalah yang dihadapi iaitu dengan melakukan kajian terhadap kritikan sosial dalam filem *Zombi Kampung Pisang* dengan menganalisis kritikan sosial dalam filem ini yang telah diterbitkan dan kajian ini akan dinyatakan dengan lebih jelas melalui objektif kajian.

Justeru itu, kajian ini dilakukan adalah untuk mengisi kelompangan kajian terhadap kritikan sosial dalam filem Melayu. Kajian ini akan menumpukan sepenuhnya pada filem Mamat Khalid iaitu *Zombi Kampung Pisang* untuk menganalisis kritikan sosial yang terdapat dalam filem tersebut. Aspek sosial ini mempunyai kaitan dan pengaruh yang mendalam dalam realiti kehidupan seharian seseorang. Menurut (Aida Rizmariza,2012), kebanyakan filem tempatan yang dihasilkan menunjukkan bahawa aspek latar sosial itu jarang diberi perhatian. Hal ini demikian kerana, kebanyakannya pengarah filem lebih kepada sebuah fantasi sosial tentang kehidupan yang kaya dan mewah orang Melayu serta memaparkan konflik jati diri. Sebenarnya, apa yang dipaparkan itu tidak salah tetapi jelas menunjukkan bahawa pengarah filem pada masa kini kurang idea yang menarik dan tidak peka kepada permasalahan sosial dalam masyarakat. Namun begitu, berbeza dengan pengarah filem yang sedang meningkat naik

dalam industri perfileman iaitu, Mamat Khalid yang mengambil berat tentang masalah yang ada terutamanya masalah sosial dalam kalangan masyarakat pada masa kini.

Mamat Khalid merupakan seorang pengarah yang banyak dengan idea menarik dan beliau juga cukup peka dengan latar sosial atau masalah sosial dalam semua filem arahnya. Antara filemnya ialah seperti filem *Zombi Kampung Pisang*(2007), *Hantu Kak Limah Balik Rumah*(2010), *filem Rock*(2005), dan *filem Man Laksa*(2006) yang banyak memaparkan realiti sosial masyarakat Melayu. Namun begitu, hal ini bercanggah dengan pendapat seorang pengkritik filem, iaitu Muhammad Fadhial-Akiti (2012) yang mendakwa bahawa belum ada filem Malaysia kerana roh atau jati diri sangat kurang dalam filem keluaran negara Malaysia. Alasannya, pembikinan filem negara kita banyak mengambil gaya atau kaedah penghasilan filem luar seperti *Zombi Kampung Pisang* yang kerap menampilkan secara *spoof*, dan menyindir penonton.

Seterusnya, apa yang dilontarkan oleh Siti Aishah Dzulkifly (2010) melalui satu artikel dengan mengatakan bahawa kemampuan yang ada pada Mamat Khalid telah banyak mencetuskan idea serta memaparkan isu sosial yang berlaku dalam masyarakat dengan gaya dan cara yang tersendiri, dan hal ini juga turut diperkatakan oleh Aida Rizmariza (2012), Mamat Khalid juga dikenali sebagai seorang yang begitu sinis dalam karyanya dan sangat peka dengan isu dalam masyarakat serta memberikan perspektifnya. Maka, kajian ini akan merumuskan lebih terperinci kritikan sosial yang terdapat dalam filem Mamat Khalid iaitu *Zombi Kampung Pisang*.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Penghasilan kepada sesebuah pengkajian sudah semestinya mempunyai matlamat yang ingin digapai oleh pengkajinya. Objektif kajian yang dikaji adalah seperti berikut:

- a) Mengenalpasti kritikan sosial dalam filem *Zombi Kampung Pisang*.
- b) Menganalisis secara kritis kritikan sosial dalam filem *Zombi Kampung Pisang*.
- c) Membangunkan produk akhir berdasarkan dapatan kajian.

Justeru itu, diharapkan hasil kajian yang dijalankan ini mampu memberi kesedaran kepada penonton bahawa filem-filem yang diterbitkan oleh pengarah tempatan bukanlah hanya semata-mata hiburan tetapi ia sebenarnya banyak nilai atau kritikan sosial yang ingin disampaikan sekiranya masyarakat melihatnya secara positif.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian yang dipaparkan adalah tujuan untuk menghuraikan dan memperjelaskan apakah kritikan sosial yang terdapat dalam filem *Zombi Kampung Pisang* arahan Mamat Khalid.

Justeru itu, berdasarkan permasalahan dan objektif yang dikemukakan kajian ini akan mengemukakan persoalan kajian seperti:

- a) Apakah kritikan sosial yang terdapat dalam filem *Zombi Kampung Pisang*?
- b) Apakah kritikan sosial yang disampaikan dalam filem *Zombi Kampung Pisang*?
- c) Bagaimanakah masyarakat menerima kritikan sosial dalam filem *Zombi Kampung Pisang*?

Persoalan yang dikemukakan merupakan gambaran sikap dan pemikiran pengkaji berhubung dengan sesuatu isu atau masalah yang ingin dipersoalkan. Persoalan ini akan menimbulkan

permasalahan kepada pengkaji dan setiap masalah yang dihadapi akan terjawab apabila kajian ini dilakukan. Oleh itu, kajian yang dijalankan mampu menjawab segala permasalahan kajian ini secara tidak langsung dapat mengetahui pelbagai masalah yang berlaku dalam kalangan masyarakat.

1.6 BATASAN KAJIAN

Dalam batasan kajian, pengkaji akan menghadkan kajian dengan berdasarkan kepada kritikan sosial iaitu bagaimana penyampaian kritikan sosial dalam filem *Zombi Kampung Pisang* kepada masyarakat sama ada dalam struktur naratif yang boleh menimbulkan kesan psikologi terhadap penonton. Pengkaji juga akan membuat kajian psikologi terhadap masyarakat sama ada masyarakat melihat kritikan sosial yang disampaikan dalam filem ini sama ada pandangan positif atau negatif.

Di Malaysia, terdapat ramai pengarah filem yang berkaliber tetapi kajian ini pengkaji memilih pengarah Mamat Khalid untuk membuat kajian terhadap filemnya iaitu *Zombi Kampung Pisang* kerana filem yang dihasilkan oleh Mamat Khalid banyak mendapat pencalonan dalam Festival Filem Malaysia (FFM) sejak dari tahun 2000. Mamat Khalid mula memenangi anugerah dalam Festival Filem Malaysia (FFM) sejak tahun 2005. Terdapat sembilan filem yang dihasilkan oleh Mamat Khalid namun hanya satu sahaja filem yang dipilih untuk dikaji iaitu *Zombi Kampung Pisang*. Selain itu, filem *Zombi Kampung Pisang* menerima anugerah lakon layar terbaik dan cerita asal dalam Festival Filem Malaysia ke-19. Hal ini juga turut di kritik oleh pengkritik filem, iaitu Hassan Abd Muthalib dalam artikelnya pada tahun 2010.

Seterusnya, untuk mendapatkan maklumat bagi mencapai objektif kajian ini, data-data dikumpul adalah dengan cara menonton filem arahan Mamat Khalid dan menganalisis apakah kritikan sosial yang terdapat dalam filem ini. Tumpuan kajian ini adalah kepada aspek kritikan sosial sahaja yang terdapat dalam filem tersebut. Antara kritikan sosialnya adalah seperti

golongan muda yang terlibat dengan gejala vandalisme, gejala rempit dalam kalangan remaja, budaya asing yang menyerang dan menjajah kehidupan masyarakat Melayu, serta kelunturan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

Setelah kritikan sosial dikenal pasti, kajian ini akan membincangkan data yang diperoleh dan menganalisis data tersebut untuk merumuskan kritikan sosial dalam filem Mamat Khalid. Kajian ini juga akan menggunakan pendekatan sosiologi sastera iaitu yang bertitik tolak daripada pembahagiannya, iaitu sosiologi dan sastera. Berkaitan tentang sosiologi dan sastera, terdapat tiga pendekatan yang telah dibicarakan, iaitu melihat karya sastera sebagai refleksi sosial, melihat penghasilan karya sastera, terutama kedudukan sosial seorang penulis dan penelitian tentang penerimaan masyarakat terhadap karya seorang penulis.

Justeru itu, dengan menggunakan pendekatan sosiologi sastera akan mengukuhkan lagi kajian serta membataskan kepada aspek yang telah dinyatakan bagi menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian. Batasan kajian yang dinyatakan telah menunjukkan sejauh mana kajian ini dijalankan. Oleh itu, cara yang digunakan ini dapat memudahkan kajian dijalankan serta mampu menjadikan kajian ini sebagai kajian yang berkualiti dan bermanfaat kepada masyarakat.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini adalah untuk mendedahkan masyarakat bahawa setiap kajian yang dibuat merupakan pengalaman pengkaji dalam menyelesaikan pelbagai isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat serta pandangan atau persepsi sesetengah masyarakat. Terutamanya golongan yang tidak ada kaitan dengan industri filem yang hanya menjadi pengguna dan penonton. Namun begitu, masyarakat harus sedar dan yakin dengan kajian supaya dapat meneruskan usaha untuk memupuk bakat pelapis dalam industri filem ini tidak kira dalam pelbaga aspek kreatif atau pengurusan. Kesannya, kajian ini mampu memberi

kesedaran kepada masyarakat bahawa industri perfileman ialah sebuah industri yang penting kerana melalui filem yang diterbitkan sebenarnya banyak memaparkan kritikan sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat.

Kepentingan kajian ini juga adalah dapat memberi banyak manfaat kepada masyarakat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), penerbit filem, pihak sekolah, ibu bapa, penyelidik dan kepada pelajar. Kajian ini penting untuk memberi satu rumusan tentang kepentingan kajian filem terutamanya, aspek kritikan sosial yang memberi banyak manfaat kepada lapisan masyarakat. Seterusnya, kajian ini juga penting dan bermanfaat kepada pihak kerajaan kerana kajian yang dijalankan mampu membantu pihak atasan, iaitu pihak kerajaan khususnya kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Selain itu, ia dapat membantu pihak agensi yang terlibat dalam pengurusan pembangunan industri filem nasional dan secara tidak langsung ia memudahkan untuk mendapatkan maklumat terperinci serta memperkasakan institusi perfileman Malaysia yang bertaraf dunia.

Seterusnya, kajian ini juga penting kepada pihak sekolah kerana pihak sekolah memainkan peranan yang penting dalam mendidik golongan pelajar. Pihak sekolah harus sedar bahawa industri perfileman ini sedikit sebanyak mempengaruhi minda pelajar. Hal ini demikian kerana, filem yang diterbitkan bukan sebagai hiburan semata-mata malah banyak memberi mesej atau pengajaran kepada penonton. Oleh itu, pihak sekolah hendaklah memberi kesedaran kepada pelajar tentang masalah ini. Pihak sekolah juga akan menjadikan kajian ini sebagai rujukan untuk mengetahui dengan lebih jelas tentang permasalahan masyarakat yang dipaparkan dalam filem. Selain itu, kajian ini untuk pelajar IPTA atau IPTS juga penting. Hal ini kerana, ia akan memberi ruang kepada mereka untuk menjadi pengganti atau pelapis dalam industri ini pada masa akan datang ada juga untuk mendapatkan pendidikan formal dalam bidang perfileman. Justeru itu, dengan memperluas dan memperkembangkan budaya

penyelidikan ia akan dapat membantu menarik lebih banyak golongan muda bagi mengetahui dan mendalami bidang industri perfileman ini.

Manakala untuk ibu bapa pula kajian yang dilakukan ini juga penting kepada golongan ibu bapa kerana unntuk memastikan bahawa anak-anak sedar dengan pelbagai isu yang berlaku dalam masyarakat. Peranan ibu bapa adalah sangat penting untuk membendung masalah ini iaitu masalah sosial yang dipaparkan dalam filem haruslah diambil sebagai pengajaran oleh ibu bapa agar anak-anak tidak terjebak dengan masalah sekeliling serta bertanggungjawab untuk melindungi anak-anak mereka supaya tidak terdedah dengan masalah negatif yang boleh merosakkan masa depan anak-anak mereka. Justeru itu, kajian ini akan menjadi rujukan penting untuk membantu ibu bapa untuk memastikan apa masalah yang dihadapi dalam masyarakat kita.

Kajian ini juga akan memberi manfaat kepada penerbit filem kerana dengan adanya kajian ini dapat memperjelas kelemahan dan kekuatan yang dihadapi oleh industri filem. Penerbit filem juga berpeluang untuk memperbaiki segala kelemahan dalam menghasilkan filem yang baik kepada penonton atau masyarakat. Pihak penerbit filem juga dapat menggunakan cara atau kaedah yang lebih baik untuk memperluas bidang ini dan secara tidak langsung dapat memperbaiki kelemahan yang dihadapi dalam industri filem. Oleh itu, dengan adanya kajian ini pihak penerbit filem tidak akan mengambil secara mudah setiap masalah yang berlaku bagi menerbitkan filem yang bermutu dan berkualiti.

Akhir sekali, kajian terhadap kritikan sosial dalam filem *Zombi Kampung Pisang* ini adalah satu perkara yang jarang diambil perhatian oleh pengkaji atau masyarakat. Berdasarkan hasil yang diperolehi melalui dapatan kajian, diharapkan mampu memberi kesedaran kepada semua lapisan masyarakat dan dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji lain yang berminat untuk mendalami dan menerokai bidang 'perfileman' pada masa akan datang. Setelah industri

ini mencapai kejayaan, bidang ini tidak akan mengalami masalah ketandusan pengurus filem, penyelidik dan perunding yang terlatih secara formal dan professional. Maka, dengan adanya penyelidikan ini akan dapat membantu pengarah filem atau para karyawan untuk memperkembangkan hasil seni mereka ke tahap yang lebih baik.

1.8 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dalam bab 1 ini pengkaji telah menjelaskan tentang kajian yang ingiun dilakukan oleh pengkaji iaitu mengenalpasti kritikan sosial dalam filem *Zombi Kampung Pisang*. Secara tuntasnya, bab ini telah menerangkan tentang latar belakang, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, dan juga kepentingan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Permasalahan kajian ini penting bagi mencapai tujuan pengkaji bagi menyelidik tentang kritikan sosial dalam filem *Zombi Kampung Pisang*. Persoalan kajian, skop kajian, dan kepentingan kajian menjadi fokus penting kepada kajian ini bagi mengelak permasalahan yang boleh menjejaskan kajian ini untuk dijalankan oleh pengkaji serta tidak terkeluar dari skop utama bagi memperoleh maklumat dalam penyelidikan ini. Oleh itu, diharapkan kajian ini akan memberi impak yang berkesan kepada golongan masyarakat serta pengkaji yang lain untuk memperolehi maklumat yang betul dan menarik untuk dipelajari.



BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Kajian literatur merupakan satu kaedah pengumpulan maklumat yang diperolehi dari pelbagai sumber iaitu sumber skunder seperti buku, surat khabar, majalah, artikel dan sumber-sumber lain yang sesuai. Maklumat ini mengandungi fakta-fakta atau maklumat kajian yang telah dihasilkan oleh pengkaji lain berkaitan dengan topik tertentu sahaja. Dalam kajian literatur ini pengkaji hanya menekankan mengenai kritikan sosial dalam filem *Zombi Kampung Pisang*. Bahagian ini juga menerangkan tentang secara kritis kritikan sosial yang terdapat dalam filem *Zombi Kampung Pisang* kepada umum.

2.1 KAJIAN LEPAS

2.1.1. KAJIAN TERHADAP FILEM SEBAGAI GENRE SASTERA

Sastera merupakan satu bidang seni kreatif yang medium pengantaranya adalah bahasa. Bahasa berperanan dalam menyetengahkan segala yang difikirkan oleh pengarang melalui pemindahan yang dilakukan sama ada bertulis atau lisan. Sastera lahir daripada perasaan penulis yang disatukan dengan emosi, cita rasa dan gambaran kehidupan yang bersifat halus. Justeru itu, dalam menjelmakan kehalusan dan kehidupan bahasa akan dieksplotasikan secara meluas lagi. Hal ini kerana, sastera merupakan hasil seni yang menggunakan bahasa sebagai medium yang mampu membentuk tamadun dan peradaban masyarakat selain memperlihatkan sikap dan pandangan pengarang. Menurut Muhammad Haji Salleh (1995), sastera merujuk kepada karya-karya lisan serta tulisan yang membawa unsur-unsur cereka yang disampaikan melalui bahasa dan berbagai-bagai alatannya. Selain itu, dengan menggunakan istilah kesusasteraan pada masa kini adalah untuk membezakan karya-

karya seni berdasarkan bahasa daripada bidang pengetahuan lainnya seperti agama, sejarah daripada makna awal Sanskrit (Muhammad Haji Salleh,1995:6).

Karya sastera juga mengungkapkan unsur akaliah yang sifatnya indah, melalui unsur akaliah ini ilmu atau pemikiran pengarang atau penulis. Pemikiran atau idea seorang penulis atau penghasil sesebuah karya kreatif imaginatif akan berusaha menggabungkan dan memadatkan sensori atau sensitif mereka dan akan menyuntik perasaan khalayak melalui fenomena sehingga menjadikan sesuatu karya sastera berhasil meninggalkan kesan kepada pembaca. Aspek pemikiran yang dibawakan dalam karya kreatif juga bersifat tersurat dan tersirat (Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman,2010:1-3). Memerihalkan tentang genre sastera, tidak terkecuali daripada membincangkan elemen estetika. Nilai keindahan dalam karya wujud secara bersepadu dengan unsur-unsur lain yang ada secara menjalin, berimbangan dan memperkukuhkan antara satu sama lain bagi menampakkan kesan positif sesebuah karya. Sesebuah karya sastera juga merupakan manifestasi penulisnya iaitu fenomena dan persoalan yang dipaparkan dalam karya sastera merupakan realiti kehidupan masyarakat. Pengarang sebagai pelakar yang merakamkan fenomena di sekitar untuk dikongsi bersama khalayak pembacanya. Ungkapan sastera sebagai cerminan masyarakat serta merupakan refleksi kehidupan sebenar.

Genre sastera melayu mempunyai pelbagai fungsi dalam penghasilan karya. Dalam konteks kesusteraan melayu, pandangan yang diberikan oleh Hasyim Awang dan Ramli Isin tentang fungsi sastera ialah, sastera berfungsi sebagai medium hiburan dan mendidik masyarakat. Selain itu, fungsi sastera juga adalah sebagai medium kritik serta sebagai dokumentasi kehidupan masyarakat dalam (Hasyim Awang, Othman Puteh, Ramli Isin dan Sahlan Mohd Saman: 1995). Berdasarkan genre sastera melayu yang mempunyai pelbagai fungsi dalam menghasilkan karya untuk menunjukkan bahawa filem juga dikategorikan sebagai

genre sastera kerana filem yang dihasilkan mempunyai persamaan dengan fungsi sastera seperti yang dijelaskan oleh (Hasyim Awang dan Ramli Isin).

Menurut Adi Pranajaya (1993), filem juga berfungsi sebagai medium hiburan dan sebagai medium kritik sosial serta dijadikan sebagai ruang untuk mendidik masyarakat. Filem yang dihasilkan mempunyai tujuan, maka mengikut Adi Pranajaya (1993): 6-7) filem sudah tentu mempunyai fungsi dalam masyarakat, di samping ia mencerminkan dan menyatakan segi yang kadang-kadang kurang jelas dalam masyarakat . Menurutnya juga, filem bukan sahaja dinikmati kerana elemen hiburan tetapi elemen lain juga penting dinikmati iaitu nilai pemikiran dan elemen estetika. Fungsi sosial filem adalah keterlibatan dalam kehidupan sosial ekonomi, politik dan sebagainya.

Menurut Othman Puteh (2008:75), cerpen berfungsi sebagai cerminan penyalur saluran dan penyambung segala tasfiran dan pemikiran pengarangnya terhadap sesuatu isu tertentu atau kelompok masyarakatnya kepada khalayak. Menurutnya juga, perkembangan genre cerpen menjadi semakin mantap dan kawajaran ini menyerlah dengan pemikiran dan fizikal yang wujud dalam masyarakat. Situasi itu memberikan ilustrasi sejarah perkembangan betapa genre cerpen tetap diyakini sebagai wahana pengucapan untuk menghantar pelbagai kritikan sosial dan saranan bagi meningkatkan tamadun bangsa.

Selain itu, filem diperkatakan sebagai genre sastera yang dapat dilihat dari sudut bahasa. Bahasa dan sastera tidak dapat dipisahkan kerana sastera tidak akan hidup tanpa bahasa. Bahasa sastera pula akan hambar tanpa sentuhan seni yang efisien. Terdapat pelbagai bentuk yang boleh diterapkan dalam sastera bagi menyampaikan perasaaan atau amanat penulis, baik secara langsung mahupun secara tidak langsung. Misalnya, penggunaan bahasa berkias untuk mengkritik sistem politik, ekonomi atau sosial dalam sesebuah tamadun bangsa . Disamping itu, bagi menghasilkan puisi yang baik, bahasa yang berseni sangat diperlukan

kerana pemilihan kata yang tidak selektif sudah tentu akan menjadikan sesuatu puisi itu kosong, hambar dan tidak mempunyai kesan sensitif.

Menurut Hamzah Hussin (2004:129), dari segi kekuatan filem dinilai dari segi isinya dan bahasa filem itu sendiri. Berdasarkan keterangan ini, filem juga merupakan salah satu genre sastera kerana penggunaan bahasa dalam filem menerima perubahan apabila filem dianggap sebagai alat perakam realiti kehidupan masyarakat. Hal ini dapat dilihat apabila masyarakat menggunakan bahasa rojak, maka bahasa itulah yang digunakan di dalam filem yang dihasilkan. Menurut pandangan tentang bahasa filem oleh Mahadi J. Murat dalam wacana intelektual di Dewan Bahasa dan Pustaka, menyatakan bahawa filem ialah gambar bergerak, maka bahasanya juga adalah bahasa bergerak. Menurutnya, filem ialah bahasa penceritaan yang disebut sebagai bahasa visual dan filem harus disesuaikan dengan teknik perfileman.

Filem sebagai wadah yang menggambarkan kehidupan serta memerlukan kekuatan dalaman dan dipersembahkan dalam bentuk visual bergerak dengan menceritakan pelbagai masalah kehidupan. Seterusnya, filem juga dapat memperlihatkan keadaan sosial dan budaya dalam masyarakat tempatan berasaskan nilai-nilai dominan yang terbentuk daripada pelbagai bahagian agar ia boleh diterima oleh masyarakat. Hal ini demikian, ia juga boleh dilihat dalam karya sastera lain seperti drama, novel dan cerpen. Berdasarkan hal ini dengan adanya filem ia dapat memberi ruang kepada pengarang atau penulis skrip untuk melontarkan pelbagai isu sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Kritikan sosial yang dilontarkan dalam filem juga akan memainkan peranan kearah penambahbaikan tindakan yang perlu dibuat agar isu sosial yang sama tidak berulang berlarutan. Kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem merupakan cara yang digunakan oleh seseorang pengarah bagi menyampaikan idea atau kritikan terhadap masyarakat. Filem berperanan sebagai alat untuk mendokumentasikan budaya dan kehidupan masyarakat. Kebanyakan filem yang dihasilkan menyampaikan kandungan yang hampir sama dengan realiti kehidupan dalam masyarakat setempat.

Dengan itu, jelaslah bahawa filem juga merupakan sebagai satu genre sastera apabila dilihat kaitan sastera dan filem yang mempunyai matlamat yang sama dalam menghasilkan karya terutamanya dari medium bahasa yang digunakan dalam menghasilkan karya yang berkualiti. Bahasa pada hakikatnya merupakan satu unsur penting dalam setiap peradaban, bangsa, negara dan masyarakat. Aspek bahasa ialah aspek penting dalam karya sastera. Hal ini kerana, bahasa ialah penentu utama yang menyebabkan karya sastera menjadi indah dan menarik. Bidang sastera yang selalu berkembar dengan bahasa selalunya menyumbangkan nila-nilai positif kepada kemanusiaan dan dipelajari sebagai salah satu dari komponen itu.

Kajian terhadap kritikan sosial dalam filem Mamat Khalid akan dinyatakan secara keseluruhan untuk memperjelaskan apa yang ingin dikaji. Filem Mamat Khalid akan menjadi bahan kajian iaitu filem *Zombi Kampung Pisang* terpilih yang akan dinyatakan dalam batasan kajian. Filem ini akan dianalisis berdasarkan hasil tontonan melalui cakera padat dan berdasarkan skrip filem yang telah menjadi teks sebagai rujukan dalam kajian ini. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis kritikan sosial dalam filem Mamat Khalid serta merumuskan kritikan sosial dalam filem tersebut. Menurut Johan Jaafar (2012), menyatakan bahawa filem tempatan memerlukan bahan sastera bagi menghasilkan kejayaan yang membawa maknanya yang tersendiri pada dunia sastera tanah air. Filem merupakan medium yang mempunyai kekuatan visual iaitu memerlukan bahan sastera untuk menghasilkan filem yang berkualiti tinggi. Kritikan sosial yang dipaparkan oleh pengarah dalam filem merupakan usaha untuk memberi saranan kepada masyarakat, mendidik jiwa masyarakat, membina jati diri dan akhlak serta memberi kesedaran kepada masyarakat tentang perilaku yang mungkin tidak disedari dalam kehidupan seharian manusia. Justeru itu kritikan sosial yang ingin diketengahkan oleh pengarah filem merupakan teguran tentang kelemahan atau kekurangan yang terdapat dalam kelompok masyarakat.

2.1.2 KAJIAN TERHADAP FILEM MELAYU DALAM KEADILAN SOSIAL

Melalui kajian-kajian yang telah ditemui antaranya ialah kajian oleh Yashnur Asri, Idal dan Zulfadhli (2012) membincangkan tentang kritikan sosial dalam keadilan sosial. Tujuan kajian ini adalah untuk menggambarkan bentuk kritikan sosial hasil karya Taufiq Ismail dan untuk menjelaskan faktor-faktor yang menyebabkan kritikan sosial yang berlaku dalam koleksi puisi tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahwa bentuk-bentuk kritikan sosial adalah seperti kemiskinan, masalah kekosongan jawatan, jenayah dan sebagainya.

Keadilan sosial adalah janji filem Melayu kepada khalayak orang ramai. Janji ini terungkai. Dalam filem Melayu penonton diyakini bahawa keadilan sosial terus wujud. Walaupun orang selalu berpesan, hidup bukan seperti dalam filem tetapi filem Melayu sangat menyajikan bahawa baik dibalas baik dan jahat akan menerima hukuman. Penonton filem Melayu akan membuat penonton berasa selamat sekalipun berada dalam realiti sosial di dalam filem. Hampir semua filem Melayu bertolak daripada perjuangan keadilan sosial, sama ada penerapan yang kukuh atau longgar. Ia menjadi ruang *escapism* kepada suatu fenomena yang tidak dapat digapai dalam realiti.

Penonton filem Melayu telah sekian lama memegang janji ini. Mereka telah sebatikan dengan struktur konvensional biasanya bermula dengan keindahan kemudian meredah halaman sehingga putus asa. Tetapi jangan bimbang, janji awal filem Melayu fragmen akhir, keindahan kembali terjalin. Ramai juga penonton yang sedar bahawa filem Melayu sebenarnya sudah ada kesudahannya selepas 10 minit filem itu ditayangkan. Ada sesetengah orang mengatakan cerita itu akan klise, berulang-ulang dan berputar belit. Tetapi inilah salah satu cara kita mengenal filem Melayu. Hal ini kerana, filem Melayu dikatakan jalan ceritanya tidak berubah.

Struktur idea filem Melayu secara umumnya tidak ada beza dengan filem Bollywood. Selain itu, yang paling jelas iaitu pendekatan melodrama, filem Bollywood juga sangat setia

dengan keadilan sosial di dalamnya. Filem Bollywood juga kecenderungannya merobohkan tradisi kasta dalam masyarakat. Ini juga perjuangan keadilan sosial di mana kelas menjadi tirai yang memisahkan antara anggota masyarakat. Ia juga sekadar *escapism*. Perbezaan dalam filem Melayu pula, penentangan kelas menjadi cetusan untuk mencari keadilan sosial dilayar perak.

Seterusnya, watak jahat dalam filem Melayu dianggap sebagai *overbearing contrast* pada watak putih. Semakin hitam watak si penjahat selalunya diwakili oleh anak-anak penghulu yang berkasta atasan dalam sistem sosial tradisi akan semakin simpati dan putihlah menjadi watak wiranya. Orang Melayu melihat filem sebagai poskad untuk menelaah hidup di sisi putihnya malangnya mereka bukan dibiarkan membuat pilihan secara demokratik tetapi didesak supaya bersimpati dengan watak putih. Struktur idea kemudiam mengalir menjadi struktur naratif yang klise dalam filem Melayu.

Ini adalah benteng yang sangat sukar dirobuhkan dalam konteks filem Melayu. Struktur ini sangat kuat pengaruhnya dalam filem melayu dan ia menjanjikan keadilan sosial kepada masyarakat. Masyarakat pula akan terserentak kalua ada filem yang dihasilkan secara antihero. Mereka tidak dapat menerima watak hitam yang mengakhiri filem tanpa pembalsan atau sekurang-kurangnya keinsafan seluruh jiwanya.

Kelangsungan ini wujud secara semula jadi. Buktinya kita dapat lihat bagaiman (Yusuf Haslam) menghukum Carlos (Rosyam Nor) ketua samseng dalam filem Bara dan membersihkan Awi yang dituduh membunuh. Ini adalah janji Bara kepada penonton filem Melayu supaya mereka jangan menuduh seseorang tanpa bukti. Jelaslah bahawa filem Melayu yang strukturnya stereotaip, pententangan watak hitam dan putih akan menjadi lebih menarik dalam kedua-duanya menjadi kelabu kerana filem Melayu juga bermakna sebagai sebuah filem.

2.1.3 KAJIAN TERHADAP KRITIKAN SOSIAL

Menurut Idal (2012) data kajian yang dikumpulkan dengan menggunakan kaedah deskriptif hasil kajian menunjukkan bahawa bentuk-bentuk kritikan sosial adalah seperti kemiskinan dan masalah kekosongan jawatan, jenayah dan penyelesaian, serta birokrasi, politik, dan masalah keselamatan. Manakala faktor yang menyebabkan kritikan sosial yang berlaku adalah kerana masalah ekonomi dalam masyarakat, kecenderungan dasar kerajaan dalam menangani krisis ekonomi, dan ketenteraan yang merupakan dasar dalam kerajaan. Kritikan sosial dalam penelitian ini maksudnya adalah sesuatu tanggapan yang diberikan pengarah terhadap permasalahan sosial yang terjadi dalam masyarakat. Dengan demikiannya, kritikan sosial tersebut adalah permasalahan sosial yang terjadi dalam masyarakat.

Tujuannya pengkaji menjalankan kajian ini adalah untuk mendeskripsi bentuk-bentuk kritik sosial dan faktor penyebab terjadinya kritikan sosial. Berdasarkan hasildan pembahasan penelitian kritik sosial dalam kumpulan puisi MAJOI, ada tiga bentuk kritik sosial yang terungkap dalam kumpulan puisi *Malu (Aku) Jadi Orang Indonesia (MAJOI)* karya Taufiq Ismail, yaitu masalah kemiskina dan lapangan pekerjaan, masalah kejahatan serta masalah birokrasi politik, dan keselamatan. Dari ketiga-tiga bentuk kritik sosial tersebut, yang paling dominan adalah masalah kemiskinan dan brokrasi pemerintahan. Faktor penyebab terjadinya dalam kumpulan *Malu (Aku) Jadi Orang Indonesia (MAJOI)* karya Taufiq Ismail, adalah berkait rapat dengan bentuk-bentuk kritik sosial tersebut. Berdasarkan kajian-kajian lepas, kajian ini akan memperjelaskan bahawa kajian terdahulu yang diperoleh banyak membincangkan tentang isu sosial atau kritikan sosial yang jelasnya berkaitan dengan citra masyarakat.

Disamping itu, terdapat juga kajian oleh Aziz Dwi Prakoso dari Fakultas Ilmu Budaya Universitas Diponegoro Semarang pada tahun 2012. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kritik sosial yang terkandung dalam novel *Detik-detik Cinta Menyentuh* karya Ali Shahab melalui

pendekatan sosiologi sastera. Kaedah yang digunakan dalam penelitian ini adalah kaedah deskriptif kualitatif. Analisis yang diperoleh adalah untuk mengungkap dan deskripsi unsur ekstrinsik. Penelitian ini juga bertujuan untuk menjelaskan unsur-unsur pembangun novel yang meliputi alur, penokokan data serta tema. Ia sesuai dengan permasalahan dalam penelitian ini, iaitu mengamati kritik sosial dalam karya sastera, maka penelitian perhubungan akan erat dengan nilai-nilai yang ada dalam masyarakat. Karya sastera sering kali mempunyai kaitan yang erat dengan faktor sosial (Aziz Dwi Prakoso, 2012). Dalam hal ini pemahaman mengenai keadaan sosial yang dimiliki pengarang harus tinggi, kerana sosiologi sastera harus berdasarkan dari pengalaman sendiri. Kaedah yang akan digunakan dalam penelitian ini adalah pendekatan struktural dan pendekatan sosiologi kerana seperti yang telah difahami bahawa karya sastera tidak dilepas dari pengarang, latar belakangnya, lingkungan masyarakat, dan keadaan sosial pada karya tersebut.

Dapatan kajian oleh Aziz Dwi Prakoso (2012) menjelaskan kritikan pertama adalah kritikan terhadap kekuatan tirani yang menjadi penyebab kemiskinan dan kehancuran rumah tangga. Kritikan kedua adalah kritikan terhadap sikap otoritet kaum borjuis, kaum borjuis memang sudah lama dikenal kerana gaya hidupnya yang mewah. Kritikan ketiga pula adalah kritikan terhadap masalah diskriminasi dalam kehidupan sehari-harian dapat disaksikan kekayaan orang dengan kecacatan masih menemui berbagai hambatan dalam banyak hal, antaranya disebabkan sebahagian warga masyarakat belum memahami tentang bagaimana kita berperilaku dan bergaul bersama orang yang mengalami kecacatan. Dalam aspek pendidikan pekerjaan dan aspek lain juga masih ditemui tentang pelakuan-pelakuan diskriminatif terhadap mereka (Aziz Dwi Prakoso, 2012)

Membincangkan tentang kritikan sosial ini, terdapat juga kajian terhadap kritikan sosial dalam drama oleh Suraidah Othman (2010) yang telah membicarakan tentang kritikan sosial dalam drama-drama Mohamed Ghouse Nasaruddin. Kajian ini adalah analisis tentang kritikan

yang dilontarkan oleh Mohamed Ghouse Nasaruddin melalui drama-drama beliau yang telah diterbitkan dalam dewan sastera antara tahun 1980an hingga 2006. Kebanyakan drama membawakan kritikan terhadap sesuatu fenomena yang berlaku dalam masyarakat semasa dan dikaji dengan mengaplikasikan pendekatan dan prinsip sosiologi sastera. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti aspek-aspek kritikan sosial yang dominan dalam drama-drama berkenaan selain melihat relatif kritikan tersebut dengan situasi semasa. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis teks dan wawancara dengan pengarang berkenaan. Pergolakan aspek sosial yang dipaparkan oleh pengarang telah merujuk kepada perubahan tingkah laku segelintir masyarakat yang tidak lagi mengikut sistem sosial yang normal, menyebabkan berlakunya perubahan nilai masyarakat yang positif kepada negatif (Suraidah Othman, 2010),

Aspek-aspek yang diungkapkan adalah tentang sikap golongan yang suka menyebarkan propaganda dan zalim, mengkhianati bangsa, mungkir janji, menyalahgunakan kuasa, suka berfoya-foya, melakukan penindasan, mengamalkan rasuah, percaya kepada perkara-perkara tahyul, memiliki jati diri yang rapuh, materialistik, dan suka mengapau (Suraidah Othman, 2010). Kritikan-kritikan yang dipaparkan dapat menjadi renungan dan iktibar kepada masyarakat bagi menimbulkan kesedaran masyarakat agar lebih peka terhadap situasi semasa serta kembali menjalani hidup berpaksikan norma-norma kehidupan yang positif. Dalam hal ini, pengkaji menjelaskan bahawa analisis yang dibuat oleh Mohamed Ghouse sememangnya saraf dengan kritikan sosial kerana beliau telah menyampaikan teguran melalui sindiran tajam terhadap masyarakat terutamanya kepada pemimpin atau ahli politik (Suraidah Othman 2010).

Mohd Taib Osman (2004) memuatkan tentang beberapa isu kemasyarakatan yang banyak melihat tentang isu sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat terutama masyarakat Melayu. Kajian ini menjelaskan tentang beberapa gejala sosial yang berlaku dalam negara antaranya gejala sosial seperti penagihan dadah, penderaan isteri dan anak, pembuangan bayi dan pelbagai gejala sosial yang berlaku dalam kalangan orang Melayu.

Dalam hal ini, Mohamed Taib Osman (2004) juga ada menyatakan tentang kesedihannya kerana gejala sosial ini lebih banyak berlaku dalam kalangan orang Melayu yang beragama Islam berbanding dengan kaum lain. Selain itu, peranan-peranan pihak tertentu dalam menangani masalah gejala sosial yang merupakan pengaruh budaya negatif turut diperkatakan. Antaranya Jawatankuasa Kabinet mengenai gejala sosial yang memustuskan supaya kokurikulum dan pendekatan pendidikan agama dirombak untuk meningkatkan ketahanan generasi muda bagi menangani pengaruh budaya kuning yang kian menular (Mohamed Taib Osman, 2004)

Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat banyak isu yang dibincangkan tentang isu sosial atau kritikan sosial yang jelasnya berkaitan dengan masyarakat. Namun, kajian terhadap kritikan sosial dalam filem masih belum banyak ditemui. Kajian yang dilakukan ini adalah untuk mengenal pasti bentuk-bentuk kritikan sosial dalam filem *Zombi Kampung Pisang* serta menganalisis kritikan sosial yang terdapat filem tersebut.

2.2 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam bab ini pengkaji dapat melihat tentang kritikan sosial yang dilakukan oleh pengkaji dalam kajian yang lepas dan rujukan tersebut menjadi maklumat utama serta menerangkan dengan lebih terperinci lagi tentang kritikan sosial dalam filem *Zombi Kampung Pisang*.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Metodologi ini berasal daripada perkataan Yunani (Latin) dan ia terdiri daripada '*meta*' yang bermaksud '*dengan*' dan '*odos*' yang bermaksud '*jalan*'. '*Logos*' ialah ilmu atau aliran, ianya dapat diterjemahkan sebagai 'ilmu dengan jalan' (Nazaruddin, 1974). Metode ini merupakan satu perkara yang sangat penting kerana ianya merupakan satu cara bekerja dan cara untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian. Menurut Kamus Dewan metodologi ini bermaksud ilmu mengenai metode atau sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan di dalam sesuatu kegiatan. Dari segi istilah metodologi memberi erti sains atau kajian mengenai kaedah, terutama sekali dalam bidang ilmiah. Ianya juga dijadikan sebagai suatu ilmu atau pengetahuan mengenai kajian dalam mentadbir sesuatu bagi mencapai matlamat yang dirancang.

Dikatakanlah metodologi ini merupakan suatu ilmu mengenai cara untuk mengkaji dan membuat penyelidikan sesuatu kajian, ianya juga merupakan suatu sistematik dan objektif dengan maksud untuk memperolehi atau mengumpul data-data yang tepat dan berkesan. Kajian atau penyelidikan ini pula bermaksud sesuatu yang dijalankan samada untuk mengetahui apa yang sedang berlaku, telah dan akan berlaku bagi menambah pengetahuan. Oleh itu, penyelidikan ini ialah tatacara yang teratur dan sistematik. Daripada huraian ini dapatlah disimpulkan bahawa yang membawa maksud metodologi penyelidikan ialah tatacara mengkaji dan menyelidik sesuatu kajian secara sistematik dan objektif bagi mengumpul data-data yang tepat serta berkesan untuk mengetahui apa yang telah dikaji.

Bab ini membincangkan mengenai metodologi penyelidikan yang dilaksanakan bagi mendapatkan data dan menjawab persoalan kajian. Bagi mengumpulkan data secara menyeluruh, kaedah penyelidikan campuran (*mixed-method*), iaitu gabungan antara kaedah kuantitatif dan kualitatif digunakan. Kajian ini menggabungkan dua kaedah ini kerana ia semakin mendapat tempat dalam kalangan penyelidik sains sosial kerana Neuman (2011), kombinasi kedua-dua kaedah ini akan menghasilkan kekayaan data yang boleh menjelaskan fenomena yang dikaji secara menyeluruh.

3.1 PENYELIDIKAN KAEDAH CAMPURAN

Kaedah campuran semakin diterima sebagai salah satu kaedah penyelidikan dalam bidang sains sosial, pendidikan dan kesihatan. Pada peringkat antarabangsa kaedah ini dikenali dengan pelbagai istilah seperti multi (-) methods, multiple method, multiplestrategy, dan mixed methodology. Johnson, Onwuegbuzie dan Turner (dalam Symonds dan Gorard, 2011), menjelaskan kaedah penyelidikan bercampur seperti yang berikut:

Mixed methods research is the type of research in which a researcher or team of researchers combine elements of qualitative and quantitative research approaches (e.g. use of qualitative and quantitative viewpoints, data collection, analysis, inference techniques for the broad purpose of breadth and depth of understanding and corroboration).

Glogowska (2011) menyatakan bahawa terdapat beberapa kebaikan yang diperoleh dengan menggunakan kaedah ini berbanding kaedah berasingan sama ada kualitatif atau kuantitatif, iaitu:

- i. Menyediakan satu gambaran yang lebih menyeluruh dalam penyelidikan berkenaan kerana gabungan dua kaedah itu akan dapat menjelaskan kajian yang dikaji itu secara lebih meluas dan komprehensif.

ii. Meningkatkan kesahihan data yang ada data yang dikumpulkan daripada dua kaedah berbeza akan dapat memberikan keyakinan kepada penyelidik kerana dapat dibandingkan data berkenaan untuk menjelaskan kajian yang dikaji.

iii. Pengupayaan kerana membolehkan isi yang penting dalam kajian tetapi tidak dapat dimasukkan mungkin akibat terlepas pandang kerana menggunakan satu kaedah menyertai penyelidikan.

Johnson dan Onwuegbuzie (Stephens dan Gorard, 2010) menyatakan kaedah campuran ini merupakan metodologi penyelidikan yang membolehkan penyelidik menggabungkan teknik penyelidikan kualitatif dan kuantitatif yang merangkumi teknik penyelidikan, metodologi, pendekatan, konsep dan bahasa dalam satu penyelidikan. Dalam penyelidikan ini, kaedah kualitatif membabitkan temu bual mendalam dan perbincangan kumpulan fokus kepada responden manakala kaedah kuantitatif melibatkan tinjauan soal selidik bagi mencapai semua objektif penyelidikan dan menjawab soalan penyelidikan yang ditetapkan.

Bagi kajian ini, kaedah kualitatif adalah yang utama iaitu menemu bual responden iaitu penonton filem tempatan yang menonton filem *Zombi Kampung Pisang*. Ini kerana hasil temu bual itu akan dapat membantu penyelidik menjawab persoalan kajian disebabkan mereka dapat memberikan data fenomena yang dikaji. Kaedah kuantitatif pula dapat menyokong dapatan data daripada kaedah kualitatif berdasarkan data yang diperoleh secara terus daripada subjek yang dikaji.

3.1.1 TINJAUAN SOAL SELIDIK

Arul Phillips (2011), menyatakan tinjauan dipilih adalah kaedah mendapatkan maklumat mengenai populasi daripada individu-individu yang dipilih. Tinjauan yang dilakukan dapat menyediakan maklumat yang diperlukan secara cepat, dan tepat daripada sekumpulan besar masyarakat. Bagi penyelidik komunikasi tempatan, Chua Yan Piaw (2011) menyatakan kaedah

soal selidik dapat membantu penyelidik untuk mencapai objektif kajian, memperoleh maklumat yang tepat dan mencapai tujuan kajian. Menerusi kaedah ini, data mengenai pendapat, sikap dan persepsi masyarakat atau mengikut soalan penyelidikan yang ada dapat dikumpulkan. Selain itu, kaedah ini juga dapat menjelaskan perhubungan dan perbezaan setiap pemboleh ubah yang dikaji. Lazimnya terdapat dua bentuk tinjauan yang boleh digunakan bergantung pada objektif kajian sama ada berbentuk cross-sectional survey (untuk mendapatkan gambaran pendapat dan amalan sesuatu masyarakat) atau longitudinal survey (bagi membandingkan perbezaan antara pendapat dan amalan dalam tempoh tertentu).

Soal selidik ini juga membenarkan pengkaji untuk mendapat lebih informasi tentang sesuatu dalam masa yang singkat. Selain itu, hasil penyelidikan juga akan dapat diguna semula atau diulangi di kawasan-kawasan lain yang mempunyai ciri-ciri persekitaran yang sama dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan atau untuk mencadangkan sesuatu perubahan. Soal selidik ini pengkaji memberikan borang soal selidik ini kepada tumpuan responden. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan profil responden. Manakala bahagian kedua, mengandungi soalan berskala likert bertujuan untuk mengetahui hasil responden untuk analisis kritikan sosial dalam filem *Zombi Kampung Pisang*.

3.1.2 PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS

Selain dengan melakukan temu bual mendalam terhadap sumber penyelidik juga menggunakan kaedah kumpulan fokus. Menurut Azizah (2004), penggunaan kumpulan fokus dalam kaedah kualitatif adalah kaedah yang popular. Menerusi kaedah ini penyelidik akan memilih sekumpulan yang memiliki ciri tertentu untuk mengadakan sesi perbincangan. Seorang pemudah cara akan dipilih bagi menentukan hala tuju perbincangan berkenaan. Apa-apa yang dikatakan ahli kumpulan adalah data penting dan kaedah ini memberikan mereka peluang

berkongsi dan membandingkan pengalaman masing-masing serta membuka peluang kepada perbualan mengenai dunia sebenar. Perbincangan kumpulan fokus juga bertujuan untuk mengkaji tajuk penyelidikan secara mendalam dan intensif serta dapat memahami khalayak dan tingkah laku mereka.

Langkah pertama yang perlu dilakukan untuk kumpulan fokus menurut Azizah (2004) adalah menjelaskan masalah yang diperolehi. Sesuatu masalah yang sudah diberikan definisi harus dikenal pasti. Oleh itu, pengkaji perlu mengenal pasti sampel bagi menentukan khalayak yang akan dikaji dan ini bergantung pada tujuan kumpulan fokus. Peserta kumpulan fokus dipilih secara rawak dalam kalangan khalayak orang ramai di luar sana. Pemilihan ini dilakukan kerana mereka adalah bebas untuk memberi pandangan mereka dari aspek kritikan sosial yang terdapat dalam filem *Zombi Kampung Pisang*.

3.2 PENGUMPULAN DATA

Kaedah pengumpulan data merupakan cara atau jalan menyelesaikan permasalahan penyelidikan. 'Kaedah pengumpulan data merupakan segala langkah yang diambil untuk mencapai segala objektif penyelidikan' (Ahmad Mahdzan Ayob, 1995:44). Secara umum kaedah utama penyelidikan untuk mendapatkan data terbahagi kepada dua, iaitu dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif. Penyelidik boleh memilih salah satu pendekatan ataupun menggabungkan kedua-duanya. Dihubungkan dengan teori-teori sosiologi, teori yang berbentuk makro selalunya akan menggunakan pendekatan kuantitatif sementara yang berbentuk mikro kebiasaannya menggunakan pendekatan kualitatif.

Terdapat perbezaan antara penyelidikan kuantitatif dan penyelidikan kualitatif. Pendekatan kuantitatif mengutamakan 'kuantiti'. Penyelidikan kuantitatif melibatkan angka-angka, data-data statistik. Statistik melibatkan pengiraan-pengiraan seperti min, median, mod, peratusan, sisihan piawai, varian, dan sebagainya. Pendekatan kuantitatif dikatakan lebih berstruktur, mempunyai darjah kekaburan yang minima, makna yang jelas, bercorak linear, mempunyai penjadualan yang jelas, dan menumpukan kepada hasil. Dari segi skop kajian ia boleh melibatkan responden yang besar. Bagi pendekatan kualitatif pula berasaskan 'kualiti'. Ianya bersifat deskriptif yang lebih kepada penghuraian 'makna' perkara-perkara yang dikaji. Ia tidak mengutamakan data-data berbentuk statistik. Ia kurang berstruktur, terbuka dan lebih menumpukan kepada proses. Skop kajiannya pula meliputi bilangan responden yang kecil.

Kajian ini membabitkan pengumpulan data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh daripada temu bual dan terbuka dengan personaliti atau "resource persons" yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai subjek yang dikaji. Dengan menemu bual mereka sedikit sebanyak dapat maklumat mengenai perkembangan atau kaitan kritikan sosial dalam filem *Zombi Kampung Pisang* dapat diketahui. Perbincangan kumpulan fokus dan

kaedah tinjauan pula dilakukan bagi mengumpul data primer yang berkaitan dengan penonton. Bagi data sekunder pula, penyelidik akan melakukan dokumen yang diperolehi daripada Internet untuk mendapatkan hasil kritikan sosial daripada responden dan ia akan diedarkan kepada responden.

3.2.1 KAEDAH PENGUMPULAN DATA KUALITATIF

Melalui kaedah berbentuk kualitatif, pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan filem *Zombi Kampung Pisang* daripada pelbagai sumber bagi melengkapkan kajian ini. Pengkaji juga mendapatkan bahan-bahan bertulis berkenaan tentang filem ini sama ada filem tempatan yang telah dilakukan oleh pengkaji dahulu. Maklumat atau data yang diperolehi membolehkan pengkaji menghuraikan segala persoalan dan permasalahan yang timbul dan seterusnya menyelesaikan dengan baik. Bahan kajian iaitu filem *Zombi Kampung Pisang* pula diperolehi daripada sumber internet. Sumber internet memainkan peranan dalam kajian tentang filem yang diperolehi kerana kaedah ini sangat mudah untuk diperolehi serta mudah diakses kepada filem ini sekiranya hasil sumber yang banyak daripada filem yang dikaji iaitu filem *Zombi Kampung Pisang*.

3.2.2 KAEDAH PENGUMPULAN DATA KUANTITATIF

Satu borang soal selidik dalam talian yang standard disediakan untuk diedarkan kepada responden. Pendekatan kuantitatif merupakan kajian yang dapat menghasilkan dapatan kajian yang 'valid' dan 'reliable'. Hal ini kerana, penggunaan kaedah kuantitatif ini dapat membuktikan kesahihan yang kukuh dengan menggunakan angka iaitu hasil daripada analisis. Dalam pembentukan borang soal selidik, teknik 'open ended', 'close-ended' dan 'cotigency question' akan digunakan. Setiap borang mengandungi 11

soalan yang dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu profil individu, profil tontonan, genre filem yang diminati, pemilihan filem yang ditonton dan hasil kritikan sosial yang

terdapat dalam filem *Zombi Kampung Pisang* bagi menjawab soalan penyelidikan pada awal bab ini. Skala Likert digunakan bagi untuk soalan iaitu sama menggunakan Ya atau Tidak dan Tidak Pasti. Penggunaan skala Likert bertujuan untuk memberikan satu gambaran fenomena yang dikaji bersesuaian dengan soalan penyelidikan yang telah dibentuk.

Tinjauan soal selidik dijalankan selama seminggu. Bagi yang bersetuju, mereka diberikan penerangan secara terperinci, terutama konsep yang sukar, bagi membolehkan mereka memberikan jawapan tepat seperti dikehendaki. Borang berkenaan dikumpulkan dan dikaji untuk dianalisis. Proses pemasukan data dilakukan dengan cermat, termasuk melakukan proses pengekodan. Setiap memasukkan dan pengrekodan data diperiksa bagi memastikan tiada kesilapan berlaku. Proses triangulasi daripada semua data yang diperoleh termasuk interviu dan kumpulan fokus seterusnya dilakukan untuk menentukan kesahihan data kajian.

3.2.3 PENYELIDIKAN TINJAUAN SOAL SELIDIK

Penyelidikan tinjauan adalah untuk mengumpul maklumat dengan memberikan satu set soalan kepada satu sampel individu yang dipilih dari satu populasi yang hendak dikaji. Persoalan dalam kajian tinjauan sering kali mengenai kepercayaan, kegemaran, kesihatan, dan lain lain tingkah laku individu yang hendak diperhatikan. Topik yang diutarakan mungkin memerlukan pendapat yang positif atau sesuatu yang sensitif.

Ia juga sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai pandangan, personaliti, tingkah laku atau sikap orang awam secara meluas dari satu kelompok yang besar. Ia melibatkan pengumpulan maklumat dari responden yang ramai. Kaedah tinjauan menggunakan soal selidik secara langsung atau bantuan elektronik, temubual langsung, temubual melalui telefon dan lain lain untuk mengumpul data. Ia digunakan untuk mendapatkan satu penjelasan yang tepat terhadap ciri yang terdapat pada individu dalam kumpulan.

Dengan yang demikian, strategi penyelidikan tinjauan adalah lebih sesuai apabila kajian bertujuan sebanyak maklumat yang diperolehi mengenai satu populasi, satu sampel atau tinjauan yang melibatkan sekumpulan elemen yang kecil. Sampel ini mestilah mempunyai ciri ciri atau sifat sifat populasi berkenaan. Ini penting supaya maklumat yang dihasilkan melalui satu sampel yang kecil boleh memberi kenyataan dan gambaran umum tentang populasi yang dikaji.

Oleh itu, penyelidik menggunakan kaedah soal selidik kerana penyelidikan kualitatif menggunakan kaedah interpretif, penghuraian, kajian lapangan, kajian kes, dan data verbal dan ia juga memudahkan hasil kajian yang dikaji oleh pengkaji.

3.3 KESIMPULAN

Oleh itu, kedua-dua kaedah penyelidikan yang dilaksanakan ini dapat serba sedikit membantu penyelidik mendapatkan data bagi analisis dan perbincangan pada bab 4 nanti. Bagi kaedah kualitatif penyelidik akan menggunakan data yang diperolehi daripada responden dan kumpulan fokus yang membantu menembual penonton bagi menjawab ketiga-tiga persoalan kajian manakala kaedah kuantitatif yang akan digunakan bagi menjawab persoalan kajian yang dikaji. Hal ini dengan menggunakan pendekatan kajian ini sedikit banyak pengkaji dapat menjalankan kajian yang dikaji iaitu kritikan sosial dalam filem Zombi Kampung Pisang dengan meluas lagi kerana bahan-bahan yang diperolehi dapat membantu pengkaji.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Bab 4 ini akan memfokuskan kepada dapatan kajian secara telus untuk menjawab segala persoalan yang di dalam pada bab 1. Dapatan kajian merupakan satu bentuk perkaitan dengan keputusan laporan akhir bagi sesuatu kajian yang dilakukan. Keputusan yang digunakan untuk mendapatkan data ini melalui kaedah yang digunakan.

Kritikan sosial dalam filem adalah perkara yang sangat penting dalam kalangan masyarakat. Kritikan sosial yang dipaparkan dalam pelbagai karya akan memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa isu atau permasalahan sosial banyak berlaku dalam kalangan masyarakat tanpa disedari. Setiap filem yang diterbitkan mestilah mempunyai rasional dan tujuan penerbitannya. Selain itu, filem yang dikaji perlulah dihubungkan dengan konteks zaman, budaya, dan masyarakat (Shain,1971). Apabila berbicara tentang filem terdapat, seorang pengarah filem yang sedang mencatat nama dalam industri perfileman ini iaitu Mamat Khalid. Semestinya ramai penonton yang beranggapan beliau merupakan seorang pengarah filem yang tanpa hala tuju dalam berkarya.

Pandangan itu tercetus apabila melihat kebanyakan filem arahnya dikatakan seakan-akan seperti menampilkan lawak bodoh lagi merapu-rapu, filem kampung atau longgar daripada segi pengisian mesej tersirat di sebalik karya-karyanya itu. Bagaimanapun, ramai yang kurang menyedari bahawa Mamat Khalid merupakan seorang pengarah yang cukup berambisi dalam usahanya untuk memperkayakan khazanah filem Melayu dengan menggunakan unsurunsur budaya setempat. Melalui pengkajian ini, terdapat beberapa kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem Zombi Kampung Pisang. Hal ini akan diuraikan dengan lebih jelas berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan.

4.1 ANALISIS PERSOALAN KAJIAN

Analisis data ini dibuat berdasarkan kepada persoalan kajian dan huraian adalah berpandukan hasil-hasil yang diperoleh daripada soalan yang terdapat dalam soal selidik yang telah diedarkan kepada responden-responden melalui link google form yang diberikan.

Di dalam borang soal selidik tersebut mengandungi Bahagian A iaitu berkaitan dengan latar belakang responden manakala Bahagian B dalam borang soal selidik merupakan analisis kritikan sosial dalam filem Zombi Kampung Pisang yang diedarkan kepada responden dan mempunyai sebelas soalan yang perlu dijawab oleh responden. Sebelas soalan ini menerangkan soalan-soalan yang berkaitan dengan persoalan kajian. Setiap soalan akan dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat mengikut pendapat responden tentang soalan yang telah diberikan. Dari data-data telah direkod dan dianalisis melalui borang ini, kajian akan dihuraikan dengan menggunakan jadual kekerapan peratusan daripada bilangan responden yang telah menjadi responden kepada borang soal selidik yang telah diedarkan.

4.2 DATA DEMOGRAFI RESPONDEN


4.2.1 JANTINA RESPONDEN

Untuk mencari persepsi penonton yang menonton filem Zombi Kampung Pisang seramai 20 orang responden yang menjawab soalan soal selidik ini. Huraian analisis latar belakang responden melibatkan aspek jantina, umur, bangsa, tahap pendidikan serta pekerjaan dan soalan-soalan soal selidik ini akan dipersembahkan dalam rajah dan jadual yang disediakan.

Jadual 4.1: Jantina responden

Jantina	Nilai	Peratus
Lelaki	7	35%
Perempuan	13	65%

Sumber: Dapatan kajian 2021



Rajah 4.1: Carta pai mengenai jantina responden

Dapatan hasil kajian menunjukkan seramai 20 orang responden yang menjawab soalan soal selidik ini, seramai 13 orang (65%) adalah terdiri daripada responden perempuan


manakala bakinya 7 orang adalah (35%) responden lelaki. Tidak nampak terlalu besar jurang perbezaan dalam pemilihan jantina responden. Maklumat yang lebih jelas boleh dilihat pada Jadual 4.1 dan Rajah 4.1 diatas. Kajian ini adalah untuk analisis kritikan sosial dalam filem Zombi Kampung Pisang. Oleh yang demikian, jantina yang dipilih perlulah seimbang agar jawapan yang diperoleh tidak memihak kepada satu gender sahaja.

4.2.2 UMUR RESPONDEN

Jadual 4.2: Umur responden

Umur (Tahun)	Nilai	Peratus
18-25	10	50%
26-34	8	40%
35 dan ke atas	2	10%

Sumber: Dapatan kajian 2021



Rajah 4.2: Carta pai mengenai umur responden

Berdasarkan hasil kajian, daripada 20 responden yang menjawab soal selidik seramai 2 orang (10%) adalah terdiri daripada responden yang mempunyai golongan umur antara 35 dan ke atas. Manakala responden yang berumur 18 hingga 25 tahun adalah terdiri daripada 10 orang (50%). Diikuti dengan berumur 26 hingga 34 tahun adalah seramai 8 orang (40%) yang


ditunjukkan oleh Jadual 2 dan Rajah 4.2. Responden yang berbeza umur ini adalah responden yang mempunyai perbezaan umur.

4.2.3 STATUS RESPONDEN

Jadual 4.3 Status responden

Status	Nilai	Peratus
Bujang	13	65%
Berkahwin	7	35%

Sumber: Dapatan kajian 2021



Rajah 4.3: Carta pai mengenai status responden


Berdasarkan hasil kajian dari rajah 4.3, daripada 20 responden yang menjawab soal selidik seramai 13 orang (65%) adalah terdiri daripada responden yang berstatus bujang. Manakala responden yang berkahwin adalah terdiri daripada 7 orang (35%) yang ditunjukkan oleh Jadual 4.3 dan Rajah 4.3. Responden yang berbeza status ini adalah responden yang mempunyai perbezaan status.

4.2.4 BANGSA RESPONDEN

Jadual 4.4: Bangsa responden

Bangsa	Nilai	Peratus
Melayu	12	60%
Cina	2	10%
India	6	30%
Lain-lain	0	0

Sumber: Dapatan kajian 2021



Rajah 4.4: Carta mengenai bangsa responden


Dari Jadual 4 dan Rajah 4 menunjukkan taburan responden berdasarkan bangsa. Daripada carta tersebut didapati bahawa kebanyakan bangsa Melayu yang monopoli iaitu seramai 12 orang (60%) diikuti bangsa Cina seramai dua orang sahaja (10%) seterusnya bangsa India pula iaitu seramai 6 orang (30%) dan akhir sekali bangsa lain-lain tiada responden.

4.2.5 TAHAP PENDIDIKAN RESPONDEN

Jadual 4.5 Tahap pendidikan responden

Tahap pendidikan	Nilai	Peratus
Sekolah menengah	4	20%
Diploma	9	45%
Ijazah	7	35%
Master	0	0

Sumber: Dapatan kajian 2021



Rajah 4.5: Carta pai mengenai tahap pendidikan responden


Berdasarkan hasil kajian dari responden tahap pendidikan, ia menunjukkan tahap pendidikan diploma adalah iaitu (45%) iaitu seramai 9 orang dan ijazah seramai 7 orang iaitu (35%) dan tahap pendidikan sekolah menengah seramai 4 orang iaitu (20%) manakala tahap pendidikan di peringkat master tiada responden.

4.2.6 PEKERJAAN RESPONDEN

Jadual 4.6: Pekerjaan responden

Pekerjaan	Nilai	Peratus
Kerajaan	3	15%
Swasta	5	25%
Sendiri	12	60%

Sumber: Dapatan kajian 2021



Carta 4.6: Pekerjaan responden

Berdasarkan hasil kajian, seramai 20 orang yang menjawab soal selidik ini. Seramai 12 orang (60%) terdiri daripada golongan bekerja sendiri. Manakala 5 orang (25%) terdiri daripada golongan bekerja dari sektor swasta dan diikuti golongan bekerja dari sektor kerajaan seramai 3 orang iaitu (15%) responden. Kesimpulannya, kebanyakan responden adalah dalam kalangan golongan yang bekerja sendiri.

4.3 SOALAN SOAL SELIDIK ANALISIS KRITIKAN SOSIAL DALAM FILEM ZOMBI KAMPUNG PISANG

4.3.1 Adakah anda rasa filem Zombi Kampung Pisang ini memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan kritikan sosial?

Jadual 4.7: Menunjukkan adakah anda rasa filem Zombi Kampung Pisang ini memberi kesan kepada masyarakat tentang kepentingan kritikan sosial

Ya	15	70%
Tidak	4	25%
Tidak pasti	1	5%

Sumber: Dapatan kajian 2021



Rajah 4.7: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan adakah anda rasa filem Zombi Kampung Pisang ini memberi kesan kepada masyarakat tentang kepentingan kritikan sosial

Berdasarkan rajah 4.7, didapati seramai 15 orang responden (70%) yang menjawab Ya dan jawapan Tidak seramai 4 orang responden manakala untuk jawapan Tidak pasti hanya seorang sahaja responden iaitu (5%).

4.3.2 Adakah filem yang menekankan dari segi kritikan sosial iaitu mengangkat isu kemasyarakatan dapat dilihat dalam filem Zombi Kampung Pisang?

Jadual 4.8: Menunjukkan adakah filem yang menekankan dari segi kritikan sosial iaitu mengangkat isu kemasyarakatan dapat dilihat dalam filem Zombi Kampung Pisang?

Ya	14	70%
Tidak	6	30%

Sumber: Dapatan kajian 2021



Rajah 4.8: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan adakah filem yang menekankan dari segi kritikan sosial iaitu mengangkat isu kemasyarakatan dapat dilihat dalam filem Zombi Kampung Pisang?


Berdasarkan rajah 4.8, didapati seramai 14 orang responden (70%) yang menjawab Ya dan jawapan Tidak seramai 6 orang (30%) responden sahaja.

4.3.3 Adakah wajar golongan asing yang menyerang serta menjajah kehidupan masyarakat Melayu yang ditunjukkan dalam filem Zombi Kampung Pisang ini?

Jadual 4.9: Menunjukkan adakah wajar golongan asing yang menyerang serta menjajah kehidupan masyarakat Melayu yang ditunjukkan dalam filem Zombi Kampung Pisang ini

Ya	4	20%
Tidak	16	80%

Sumber: Dapatan kajian 2021



Rajah 4.9: Carta pai mengenai peratusan adakah wajar golongan asing yang menyerang serta menjajah kehidupan masyarakat Melayu yang ditunjukkan dalam filem Zombi Kampung Pisang ini


Berdasarkan rajah 4.9, didapati seramai 4 orang responden (20%) yang menjawab Ya dan jawapan Tidak seramai 16 orang (80%) responden sahaja yang memberikan jawapan untuk soalan ini.

4.3.4 Pada pandangan anda sebagai penonton, adakah kritikan sosial yang disampaikan oleh Mamat Khalid ini memberi kesan yang baik?

Jadual 4.10: Menunjukkan pada pandangan anda sebagai penonton, adakah kritikan sosial yang disampaikan oleh Mamat Khalid ini memberi kesan yang baik

Ya	20	100%
Tidak	0	0%

Sumber: Dapatan kajian 2021



Rajah 4.10: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan pada pandangan anda, adakah kritikan sosial yang disampaikan oleh Mamat Khalid ini memberi kesan yang baik.

Berdasarkan rajah 4.10, didapati kesemua responden iaitu 20 orang yang bersetuju (100%) menjawab Ya bagi soalan ini dan terdapat seorang responden yang tidak memberikan jawapan untuk soalan ini manakala tiada responden mewakili untuk menjawab Tidak.

4.3.5 Adakah kritikan sosial dalam filem ini juga merupakan suatu perkara yang sangat penting kerana filem adalah sebahagian daripada cerminan masyarakat?

Jadual 4.11: Menunjukkan adakah kritikan sosial dalam filem ini juga merupakan suatu perkara yang sangat penting kerana filem adalah cerminan masyarakat

Ya	20	100%
Tidak	0	0%

Sumber: Dapatan kajian 2021



Rajah 4.11: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan adakah kritikan sosial dalam filem ini juga merupakan suatu perkara yang sangat penting kerana filem adalah sebahagian daripada cerminan masyarakat

Berdasarkan rajah 4.11, didapati kesemua responden iaitu 20 orang yang bersetuju (100%) menjawab Ya bagi soalan ini manakala tiada responden yang memberikan jawapan Tidak.


4.3.6 Adakah Mamat Khalid ini merupakan seorang pengarah yang banyak dengan idea menarik dan beliau juga cukup peka dengan latar sosial atau masalah sosial dalam filem arahnya ini?

Jadual 4.12: Menunjukkan adakah Mamat Khalid ini merupakan seorang pengarah yang banyak dengan idea menarik dan beliau juga cukup peka dengan latar sosial atau masalah sosial dalam filem arahnya ini

Ya	18	100%
Tidak	0	0%
Tidak pasti	2	10%

Sumber: Dapatan kajian 2021

6. Adakah Mamat Khalid ini merupakan seorang pengarah yang banyak dengan idea menarik dan beliau juga cukup peka dengan latar sosial atau masalah sosial dalam filem arahnya ini?
20 responses



Rajah 4.12: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan adakah Mamat Khalid ini merupakan seorang pengarah yang banyak dengan idea menarik dan beliau juga cukup peka dengan latar sosial atau masalah sosial dalam filem arahnya ini

Berdasarkan carta 4.12, responden seramai 18 orang daripada 20 orang yang bersetuju (90%) menjawab Ya bagi soalan ini manakala tiada responden yang memberikan jawapan Tidak dan untuk Tidak pasti seramai 2 orang sahaja iaitu (10%).

4.3.7 Adakah kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem Zombi Kampung Pisang ini merupakan cara yang berkesan digunakan oleh seorang pengarah bagi menyampaikan idea atau kritikan terhadap masyarakat?

Jadual 4.13: Menunjukkan adakah kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem Zombi Kampung Pisang ini merupakan cara yang berkesan digunakan oleh seorang pengarah bagi menyampaikan idea atau kritikan terhadap masyarakat

Ya	20	100%
Tidak	0	0%

Sumber: Dapatan kajian 2021



Rajah 4.13: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan adakah kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem Zombi Kampung Pisang ini merupakan cara yang berkesan digunakan oleh seorang pengarah bagi menyampaikan idea atau kritikan terhadap masyarakat


Berdasarkan rajah 4.13, didapati kesemua responden iaitu 20 orang yang bersetuju (100%) menjawab Ya bagi soalan ini manakala tiada responden yang memberikan jawapan Tidak.

4.3.8 Wajarkah kelunturan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat filem Zombi Kampung Pisang ini wujud?

Jadual 4.14: Menunjukkan adakah kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem Zombi Kampung Pisang ini merupakan cara yang berkesan digunakan oleh seorang pengarah bagi menyampaikan idea atau kritikan terhadap masyarakat

Ya	5	25%
Tidak	15	75%

Sumber: Dapatan kajian 2021



Rajah 4.14: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan adakah kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem Zombi Kampung Pisang ini merupakan cara yang berkesan digunakan oleh seorang pengarah bagi menyampaikan idea atau kritikan terhadap masyarakat

Berdasarkan rajah 4.14, didapati kesemua responden iaitu 15 orang yang bersetuju (75%) menjawab Tidak bagi soalan ini dan terdapat seorang responden yang tidak menjawab untuk soalan ini manakala sebanyak (25%) iaitu seramai 5 orang memberikan jawapan Ya.


4.3.9 Adakah golongan muda akan terjebak dengan vandalism sekiranya masyarakat tidak prihatin terhadap keamanan negara yang ditunjukkan dalam filem Zombi Kampung?

Jadual 4.15: Menunjukkan adakah golongan muda akan terjebak dengan vandalism sekiranya masyarakat tidak prihatin terhadap keamanan negara yang ditunjukkan dalam filem

Zombi Kampung

Ya	9	47.7%
Tidak	10	52.6%

Sumber: Dapatan kajian 2021



Rajah 4.15: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan adakah golongan muda akan terjebak dengan vandalism sekiranya masyarakat tidak prihatin terhadap keamanan negara yang ditunjukkan dalam filem Zombi Kampung


Berdasarkan rajah 4.15, didapati kesemua responden iaitu 9 orang yang bersetuju (47.7%) menjawab Ya bagi soalan ini dan terdapat seorang responden yang tidak menjawab untuk soalan ini manakala sebanyak (52.6%) iaitu seramai 10 orang memberikan jawapan Tidak.

4.3.10 Patutkah budaya asing yang bergejala dalam kalangan masyarakat melayu yang ditunjukkan dalam filem Zombi Kampung Pisang ini dikurangkan agar dapat membentuk semula perpaduan kaum?

Jadual 4.16: Menunjukkan patutkah budaya asing yang bergejala dalam kalangan masyarakat melayu yang ditunjukkan dalam filem Zombi Kampung Pisang ini dikurangkan agar dapat membentuk semula perpaduan kaum

Ya	20	100%
Tidak	0	0%

Sumber: Dapatan kajian 2021



Rajah 4.16: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan patutkah budaya asing yang bergejala dalam kalangan masyarakat melayu yang ditunjukkan dalam filem Zombi Kampung Pisang ini dikurangkan agar dapat membentuk semula perpaduan kaum

Berdasarkan rajah 4.16, didapati kesemua responden iaitu 20 orang yang bersetuju (100%) menjawab Ya bagi soalan ini manakala tiada responden yang memberikan jawapan Tidak.

4.3.11 Adakah anda sebagai penonton filem yang menonton filem Zombi Kampung Pisang ini menyokong pengarah Mamat Khalid yang menghasilkan filem sebegini kepada masyarakat?

Jadual 4.17: Menunjukkan adakah anda sebagai penonton filem yang menonton filem Zombi Kampung Pisang ini menyokong pengarah Mamat Khalid yang menghasilkan filem sebegini kepada masyarakat

Ya	18	100%
Tidak	0	0%
Tidak pasti	2	10%

Sumber: Dapatan kajian 2021

11. Adakah anda sebagai penonton filem yang menonton filem Zombi Kampung Pisang ini menyokong pengarah Mamat Khalid yang menghasilkan filem sebegini kepada masyarakat?

20 responses



Rajah 4.17: Carta pai mengenai peratusan menunjukkan adakah anda sebagai penonton filem yang menonton filem Zombi Kampung Pisang ini menyokong pengarah Mamat Khalid yang menghasilkan filem sebegini kepada masyarakat

Berdasarkan rajah 4.17, responden seramai 18 orang daripada 20 orang yang bersetuju (90%) menjawab Ya bagi soalan ini manakala tiada responden yang memberikan jawapan Tidak dan untuk Tidak pasti seramai 2 orang sahaja iaitu (10%).

Diatas adalah merupakan hasil keputusan soal selidik yang dilakukan oleh pengkaji kepada responden-responden yang terpilih untuk menjawab kajian menganalisis kritikan sosial dalam filem Zombi Kampung Pisang. Terdapat seramai 20 orang responden yang memberi kerjasama dan kejujuran untuk menjawab soal selidik ini dengan sukarela tanpa paksaan daripada pihak lain.

BAB 5

RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN

Dalam bab ini iaitu perbincangan terperinci akan kesimpulan yang dapat kita rumuskan melalui analisis data yang dibuat. Rumusan tersebut adalah berdasarkan pemahaman dan penyelidikan yang dibuat ketika sesi menyempurnakan kajian ini. Selain itu, cadangan atau penambahbaikan untuk masa hadapan juga disenaraikan untuk pendedahan kepada pengkaji lain. Cadangan penambahbaikan yang dilakukan bertujuan untuk memperkemaskan kajian yang berkaitan isu kritikan sosial dalam filem Zombi Kampung Pisang untuk rujukan kepada pengkaji baru pada masa akan datang nanti.

5.1 Golongan muda yang terlibat dengan gejala vandalisme

Banyak yang dapat dilihat melalui media massa, media elektronik dan media cetak bahawa gejala vandalisme, terutamanya di negara Malaysia semakin menjadi-jadi. Gejala vandalisme ini sering dikaitkan dengan remaja. Hal ini kerana, golongan remaja mudah terpengaruh dengan sesuatu gejala atau budaya yang tidak sihat terutamanya gejala vandalisme. Maksud vandalisme menurut Kamus Dewan (2007) adalah perbuatan membinasakan atau merosakkan harta benda awam atau persendirian yang juga merupakan satu bentuk jenayah di sisi moral. Sebarang perbuatan seperti menconteng, mengotori, atau merosakkan harta benda awam dianggap sebagai vandalisme.

Kebiasaannya, gejala vandalisme ini dianggap sebagai satu bentuk jenayah, tetapi pada keadaan tertentu vandalisme ini juga merupakan satu bentuk jenayah ritual yang dilakukan oleh golongan manusia yang tidak puas hati terhadap keadaan masyarakat. Motif kejadian vandalisme biasanya terletak pada aspek emosi. Vandalisme ini dianggap sebagai suatu cara

untuk melepaskan geram atau pun cara untuk menghilangkan kebosanan semata-mata. Walaupun jenayah itu dianggap ringan, tetapi masyarakat awam dan terutamanya kerajaan terpaksa menanggung kerugian yang besar akibat daripada vandalisme tersebut. Masalah gejala vandalisme yang berlaku dalam masyarakat pada masa kini dapat dilihat dalam filem *Zombi Kampung Pisang*. Kritikan sosial yang dipaparkan adalah bertujuan untuk menyedarkan masyarakat tentang masalah vandalisme yang semakin berleluasa. Dalam filem ini, Mamat Khalid cuba mengkritik segelintir masyarakat yang suka merosakkan harta benda awam, misalnya merosakkan pondok telefon awam hingga menyebabkan penduduk kampung lain tidak dapat menggunakannya di waktu kecemasan.

Ini dapat dilihat apabila Husin dan Maimun yang terpaksa berjalan kaki untuk melaporkan kepada pihak polis tentang keadaan kampung mereka. Ketika itu, keadaan Kampung Pisang dalam keadaan kecoh akibat kematian mengejut beberapa orang penduduk kampung serta kemunculan zombi. Namun, usaha mereka berdua sia-sia apabila pondok telefon jiran sebelah kampung mereka juga rosak akibat dipotong talinya. Perbuatan segelintir manusia yang tidak bertanggungjawab itu banyak mendatangkan masalah kepada orang lain. Dalam hal ini, Husin dan Maimun yang merupakan watak utama dalam cerita ini sempat memberi nasihat apabila mereka melihat pondok telefon itu rosak akibat talinya dipotong oleh manusia yang tidak bertanggungjawab. Husin memberitahu kepada penonton dan semua masyarakat supaya jangan merosakkan harta benda awam dan sentiasa mempunyai sikap bertanggungjawab.

Kreativiti Mamat Khalid bagi menyampaikan kritikan secara sindiran dalam filem ini telah menunjukkan bahawa Mamat Khalid sangat peka dengan masalah yang dihadapi oleh negara serta menunjukkan sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab dan terlibat dengan gejala vandalisme ini boleh merosakkan nama negara. Menurut Mohd Fazli Ismail iaitu Pengurus Kanan Unit Komunikasi Korporat KTMB, juga ada mengatakan tentang sikap masyarakat

sekarang terutamanya golongan muda yang tidak bertanggungjawab dan terlibat dengan jenayah vandalisme. Akibat daripada sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) mengalami kerugian sepuluh ribu ringgit kerana terpaksa membaiki kerosakan tren My Komuter yang telah dirosakkan (Harian Metro, 2012).

5.2 Gejala rempit dalam kalangan remaja

Mat rempit merupakan istilah kepada penunggang motosikal yang terlibat dalam perlumbaan haram yang menjadi satu gejala sosial remaja di Malaysia. Rempit bukan sahaja berlumba tetapi termasuklah menunggang motosikal secara berbahaya di jalan raya. Biasanya, mereka akan berlumba secara berkumpulan pada tengah-tengah kota pada malam hujung minggu. Hal ini amat membimbangkan semua pihak. Selain itu, Mat rempit bukan setakat merempit, malah mereka turut terlibat dalam kegiatan-kegiatan jenayah lain seperti samseng jalan raya, kaki pukul, kaki mabuk, pergaduhan, perjudian, kaki rogol malah sanggup membunuh. Kebanyakan motosikal yang mereka gunakan tidak memenuhi piawai, ataupun telah diubah suai dengan banyak.

Tambahan pula, sesetengah golongan yang merempit, kebanyakannya tidak mempunyai lesen yang sah, tidak membayar cukai jalan ataupun menaiki motosikal curi. Kebanyakan golongan merempit ini juga terdiri daripada remaja belasan tahun yang masih bersekolah. Faktor-faktor yang menjadi punca mereka terlibat dengan gejala rempit ialah mereka mempunyai perasaan ingin mencuba, terpengaruh oleh rakan sebaya serta kurang kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa. Sesetengah remaja yang suka mencuba dan suka menerima cabaran, mereka akan berani untuk melakukan apa sahaja yang mereka inginkan. Oleh itu, mereka akan cuba berlumba walaupun risiko adalah begitu tinggi (Yeoh Sye Ni, 2010).

Menurut Wan Asiah Wan Ismail (2003) dalam kajiannya juga mendapati pengabaian dari sudut kasih sayang dan kurangnya komunikasi yang berkesan antara remaja dan ibu bapa adalah punca utama gejala sosial. Anak-anak remaja dianggap sudah matang untuk berfikir dan dilepaskan untuk bertindak mengikut kehendak hati mereka tanpa pengawasan dan pengawalan keluarga. Ditambah pula dengan kesibukan ibu bapa bekerja dari pagi sampai ke petang menyebabkan masa untuk bersama anakanak amat terhad. Di samping itu, kebanyakan remaja akan dipengaruhi oleh rakan sebayanya yang suka berlumba. Remaja mudah terikutikikut dengan apa sahaja yang dilakukan oleh rakan sebayanya. Walaupun sebahagian remaja mengetahui akan akibatnya, tetapi mereka turut mengikuti jejak rakan sebayanya.

Selain itu, punca gejala rempit juga berlaku akibat kurang perhatian daripada ibu bapa yang sibuk bekerja. Apabila ibu bapa jarang berada di rumah, anakanak mereka akan kekurangan kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa. Apabila remaja merasa bosan, maka remaja akan mengambil jalan mudah dengan mencari hiburan di luar rumah bersama rakan-rakan lain. Masalah gejala rempit juga turut dipaparkan dalam filem Zombi Kampung Pisang iaitu apabila zombi yang menaiki motosikal dan merempit beramai-ramai di kawasan pekan Kampung Pisang. Ketika itu, banyak harta benda yang telah dirosakkan dan kedai-kedai runcit juga musnah akibat daripada perbuatan zombi. Terdapat juga beberapa zombi yang menyebut 'otak' dan 'hidup zombi rempit'. Zombi-zombi itu akan mencari manusia dan makan otak-otak manusia sehingga ramai yang telah mati akibat dimakan oleh mereka. Husin sebagai penyelamat Kampung Pisang telah memberanikan diri dengan mengambil motosikal yang dinaiki oleh zombi untuk melarikan diri bersama Maimun bagi mengelakkan otaknya dimakan oleh zombi. Dalam keadaan ketakutan, Husin juga sempat memberi pesanan kepada masyarakat terutamanya golongan muda supaya jangan terlibat dengan gejala merempit.

Melalui cerita ini, Mamat Khalid telah berjaya menyampaikan kritikan atau sindiran sinis kepada masyarakat tentang gejala rempit yang semakin menular di negara Malaysia. Walaupun

filem Zombi Kampung Pisang merupakan filem seram komedi, namun terdapat banyak kritikan atau mesej yang tersirat yang ingin disampaikan oleh Mamat Khalid kepada penonton dan mengharapkan masyarakat sedar bahawa masalah sosial dalam kalangan masyarakat semakin berleluasa dan mesti diambil tindakan sewajarnya. Dalam hal ini, menurut Azeem Fazwan Ahmad Farouk (2009), gejala lumba haram yang begitu sinonim dengan istilah 'merempit' semakin kronik dan sikap masyarakat menuding jari kepada pihak penguat kuasa memburukkan lagi keadaan.

Menurutnya, kegiatan tersebut bukan baru dan kegagalan menanganinya disebabkan oleh sikap masyarakat itu sendiri. Masyarakat seringkali menuding jari kepada kerajaan melalui agensi penguatkuasaan seperti polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) apabila menyentuh mengenai isu mat rempit. Dalam hal ini, kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk membanteras gejala ini, malah ia sewajarnya dipuji. Namun, masyarakat juga perlu berperanan untuk bersama-sama menanganinya (Azeem Fazwan Ahmad Farouk, 2009).

5.3 Budaya asing yang menyerang dan menjajah kehidupan masyarakat Melayu

Penjajahan Jepun di Tanah Melayu merupakan satu turutan pertempuran yang singkat tetapi sengit dan merupakan satu detik perubahan antara pemerintahan daripada orang putih (British) kepada pemerintah Jepun. Semua ini merupakan konsep baru yang tidak pernah terlintas dalam pemikiran orang-orang Melayu. Dalam filem Zombi Kampung Pisang, Mamat Khalid menggunakan zombi sebagai satu kritikan sosial masyarakat kita masa kini. Mamat Khalid melihat zombi sebagai unsur budaya asing yang telah menyerang dan menjajah kehidupan masyarakat Melayu lalu menyebarkan wabak penyakit yang telah merosak dan mengganggu seluruh kehidupan masyarakat Kampung Pisang.

Dalam hal ini, ia dapat dilihat apabila Pak Abu dan Pak Jabit yang bertukar menjadi zombi adalah berpunca daripada pencemaran makanan yang dimakan di sebuah kedai makan

di kampung itu. Mereka yang makan di situ akan bertukar menjadi zombi dan zombi ini akhirnya bertukar menjadi wabak penyakit melalui sentuhan atau gigitan. Namun, punca kewujudan zombi itu juga adalah disebabkan oleh pencemaran air yang dilakukan oleh Saufi yang kemudian digunakan oleh penjual makanan di warung kampung itu. Tindakan Saufi, satu-satunya penduduk kampung yang dikatakan mempunyai kelulusan SPM adalah atas dorongan sifat tamaknya yang mahukan keuntungan yang segera setelah gagal dalam banyak pekerjaan, antaranya bidang filem. Saufi adalah gambaran sifat tamak kapitalis yang akan mengeksploitasi mangsanya iaitu penduduk kampung yang tidak berpengetahuan dan anak muda yang jahil.

Melalui kritikan ini, Mamat Khalid telah memberi sindiran sinis kepada masyarakat supaya jangan mudah terpengaruh dengan manusia yang berpangkat tinggi dan mempergunakan manusia yang berpangkat sederhana. Walaupun kebanyakan orang kampung ini tidak berpendidikan tinggi, namun itu tidak bermakna mereka perlu dihina atau ditindas kerana mereka juga adalah manusia yang bermaruah dan mempunyai harga diri yang tinggi. Kritikan tentang penjajah yang datang menjajah masyarakat Melayu ini turut dinyatakan oleh Sohaimi Abdul Aziz (2007) dalam "Sukma Angin Menongkah Arus Wacana Kolonial". Sukma Angin merupakan Novel mutakhir daripada Sasterawan Negara iaitu Arena Wati yang banyak membincangkan tentang masyarakat yang dijajah, serta memperlihatkan penentangan dan serangan terhadap penjajah yang menekan, menindas dan menafikan hak sebagai manusia yang bermaruah dan dihormati. Sohaimi Abdul Aziz (2007) juga menjelaskan bagaimana Arena Wati meruntuhkan wacana kolonial yang bersifat menjajah dan menghina melalui wacana pascakolonialnya (Sohaimi Abdul Aziz, 2007).

5.4 Kelunturan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat

Semangat patriotik semakin luntur dalam kalangan masyarakat di negara pada masa kini. Hal ini berlaku kerana masing-masing sibuk dengan urusan sendiri yang menyebabkan

mereka tidak menghiraukan perkara lain. Perkara yang penting dalam hidup ialah masyarakat perlu berusaha untuk mencari kekayaan dan hendak mencari wang untuk menambahkan pendapatan semata-mata. Oleh itu, mereka tidak menitikberatkan semangat patriotik dan tidak mempedulikan sambutan hari kebangsaan, contohnya masyarakat tidak mengibarkan bendera Malaysia ketika sambutan ulang tahun kemerdekaan negara dijalankan. Namun, apa yang diharapkan agar semangat patriotik dalam kalangan masyarakat dapat ditingkatkan. Sebenarnya terdapat banyak cara yang boleh dijalankan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

Salah satu daripadanya ialah dengan memberikan penekanan tentang proses pemupukan semangat patriotik dari bangku sekolah lagi. Perkara ini membolehkan semangat patriotik sebatik dalam diri pelajar seperti kata peribahasa Melayu “melentur buluh, biarlah dari rebungunya”. Sekiranya semangat patriotik dapat dipupuk sejak kecil, sudah tentulah semangat patriotik akan terus diamalkan dan dikekalkan hingga dewasa. Tambahan pula, amalan ini penting kerana kita dapat melahirkan masyarakat yang sentiasa cinta akan negara dan tidak melakukan perkara-perkara yang akan memburukkan nama negara.

Melalui filem *Zombi Kampung Pisang*, kelunturan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat dapat dilihat iaitu apabila zombi cuba menyerang Mat Karan dan Atan untuk mendapatkan otak mereka. Namun, zombi berhenti menyerang mereka, serta masing-masing menjatuhkan senjata apabila Mat Karan menyanyikan lagu *Negaraku* dalam keadaan ketakutan. Namun, zombi mula menyerang kembali apabila Mat Karan dan Deris tidak dapat menyanyikan lagu itu sampai habis. Ketika ini, secara terang dapatlah dilihat bahawa masyarakat Kampung Pisang tidak mengambil berat tentang patriotisme sehinggakan lagu kebangsaan tidak diingati. Selain itu, dalam filem ini, semangat patriotik hanya diselitkan sedikit sahaja iaitu apabila penduduk Kampung Pisang berdiri tegak seperti patung tugu peringatan

ketika cuba menjolok zombi yang mengganas dan ingin turun dari bumbung. Ketika itu, beberapa orang penduduk Kampung Pisang berada dalam keadaan ketakutan. Masing-masing memegang kayu untuk memukul zombi yang ingin masuk ke dalam dewan. Banyak barang yang telah rosak akibat daripada serangan zombi itu. Ketika itu, kibaran Jalur Gemilang dan nyanyian lagu Negaraku dinyanyikan. Melalui kritikan ini, Mamat Khalid telah menyindir masyarakat sekarang yang sudah mula mengabaikan nilai-nilai dan semangat patriotisme. Masyarakat sekarang sibuk dengan kerja sehingga semangat patriotisme tidak dipedulikan lagi. Patriotisme bukan sahaja menuntut rakyat agar berusaha memperoleh haknya yang layak dari tanah air, bahkan juga menuntut agar mereka melaksanakan kewajipan terhadap tanah airnya.

Dalam hal ini, menurut Hasni Abas (2000), melalui kajiannya terhadap puisi-puisi Dharmawijaya turut menyatakan tentang nilai dan semangat patriotisme yang perlu ada dalam kalangan masyarakat. Bagi negara yang telah merdeka, mempertahankan kemerdekaan adalah satu kewajipan. Selain itu, terdapat juga beberapa orang penyair yang menyuarakan tentang patriotisme dalam puisi mereka iaitu Masuri S.N dan Tongkat Warrant (Ali Haji Ahmad, 1966: 9). Melalui kajian ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa filem *Zombi Kampung Pisang* adalah sebuah filem yang mampu membuatkan penonton tidak kering gusi apabila menonton filem yang sarat dengan sindiran dalam komedi ini. Mamat Khalid ternyata peka kepada isu dalam masyarakat dan memberikan perspektifnya. Walaupun filem *Zombi Kampung Pisang* kelihatan melucukan tetapi pemahaman tentang filem ini memerlukan keseriusan. Isu sosial dalam filem ini suatu yang serius, cuma disampaikan dengan pendekatan komedi satira. Dalam hal ini, ia banyak berbeza dengan filem komedi tempatan lain dan menunjukkan kemampuan Mamat Khalid bermain dengan isu-isu kemasyarakatan dengan caranya tersendiri.

Hal ini, membuktikan ada sesuatu yang unik dalam dirinya. Filem ini bukan sekadar menyajikan komedi, tetapi yang penting dalamnya ada kritikan sosial tanpa meminggirkan nilai-nilai estetika sebuah karya filem dan kritikan sosial yang dipaparkan adalah untuk memberi

kesedaran kepada golongan masyarakat tentang permasalahan yang berlaku di sekeliling serta menimbulkan rangsangan atau dorongan agar masyarakat tidak menyimpang daripada norma masyarakat dan pegangan agama (Siti Athirah Dzulkifly, 2010). Dalam hal ini, Mamat Khalid merupakan seorang pengarah dan penulis skrip yang begitu teliti dan tidak mengkritik secara didaktik atau menyampaikan “syarahan” dalam filem yang dihasilkan. Suatu yang menarik adalah sepanjang 95 minit tayangan, hampir semua penonton terusik dengan cara komedinya. Dari awal hingga akhir, Mamat Khalid ternyata bijak mengaplikasikan segala idea dan kreativitiya sehingga hampir setiap baris dialog yang dilontarkan oleh pelakon dalam filem ini melekat di jiwa. “Pelaris” filem ini tentulah menerusi dialog-dialog loghat Perak yang menjadi tarikan dan sudah sinonim dengan jati diri Mamat sendiri.

5.5 CADANGAN

5.5.1 Setiap individu mestilah menyemai semangat patriotisme

Semangat patriotisme bukan sahaja memperjuangkan kebebasan penjajahan di tanah air tetapi melibatkan perjuangan hak bangsa Melayu daripada dicerobohi oleh bangsa asing. Rentetan ini menyaksikan penulis lagu dikir barat menerapkan kritikan sosial bertujuan memupuk semangat perjuangan dan mempertahankan hak mereka. Masyarakat Melayu kebanyakannya masih berada di takuk lama dan mereka tidak merebut peluang dalam pembangunan negara sebaliknya berpuas hati dengan apa yang mereka miliki. Ini menyebabkan bangsa Melayu jauh ketinggalan dalam semua bidang berbanding dengan bangsa lain. Rakyat sepatutnya berbangga dengan pencapaian dan kemampuan yang dicapai oleh rakyat negara ini dalam pelbagai bidang sehingga mampu menjadi contoh kepada negara lain. Nilai patriotisme dalam kalangan generasi yang lahir selepas kemerdekaan semakin luntur terutama golongan remaja. Semangat cinta akan negara dan keinginan untuk mengekalkan keamanan dilihat tidak begitu dihiraukan oleh generasi muda. Oleh itu, setiap individu mestilah menyemai semangat patriotisme dalam diri masing-masing supaya semangat cinta akan negara akan terus disanjung tinggi.

5.5.2 Pihak berkuasa perlulah menguatkuasakan peraturan dan mengenakan hukuman denda kepada pesalah laku vandalisme

Hal ini kerana, segala ruang untuk para remaja telah diberikan dan perkara yang salah tetap salah. Dengan memperketatkan undang-undang golongan remaja akan merasa takut untuk melakukan kegiatan vandalisme kerana ia bakal meninggalkan kesan buruk kepada mereka dan juga nama keluarga masing-masing. Pesalah laku boleh dikategorikan sebagai pesalah juvenile di mana mereka yang melakukan jenayah di bawah umur 18 tahun akan menjejaskan masa hadapan mereka apabila ingin bekerja nanti. Selain itu, pihak berkuasa pula

janganlah bersikap seperti hangat-hangat tahi ayam dalam menghukum mereka yang bersalah. Hal ini adalah supaya undang-undang menjadi teras pembentukan masyarakat yang adil dan saksama. Kesannya, golongan remaja tidak mempunyai keberanian untuk melakukan kegiatan vandalisme seterusnya dapat membanteras individu yang bersikap melempar batu kemudian sembunyi tangan.

5.5.3 Setiap individu perlulah memperkasakan budaya masyarakat Melayu daripada dijajah oleh budaya asing

Melalui kritikan ini, Mamat Khalid telah memberi sindiran sinis kepada masyarakat supaya jangan mudah terpengaruh dengan manusia yang berpangkat tinggi dan mempergunakan manusia yang berpangkat sederhana. Walaupun kebanyakan orang kampung ini tidak berpendidikan tinggi, namun itu tidak bermakna mereka perlu dihina atau ditindas kerana mereka juga adalah manusia yang bermaruah dan mempunyai harga diri yang tinggi. Kritikan tentang penjajah yang datang menjajah masyarakat Melayu ini turut dinyatakan oleh Sohaimi Abdul Aziz (2007) dalam "Sukma Angin Menongkah Arus Wacana Kolonial". Oleh itu, masyarakat Melayu perlu memperkaskan budaya masyarakat Melayu serta menegakkan hak masyarakat yang dijajah, serta memperlihatkan penentangan dan serangan terhadap penjajah yang menekan, menindas dan menafikan hak sebagai manusia yang bermaruah dan dihormati.

5.6 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian terhadap kritikan sosial dalam filem ini telah menunjukkan sikap masyarakat yang benar-benar terjadi pada dunia sebenar atau realiti yang dipaparkan oleh Mamat Khalid. Kajian ini bermanfaat kepada semua pihak terutamanya golongan masyarakat yang berminat dalam bidang perfileman. Kajian ini juga mampu memberi kesedaran kepada semua lapisan masyarakat bahawa filem Melayu yang dihasilkan adalah sangat berkualiti apabila ia banyak memaparkan tentang permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat. Selain itu, kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada pengkaji-pengkaji akan datang yang turut membuat kajian terhadap filem atau tentang kritikan sosial dalam kalangan masyarakat. Penyelidikan ini juga, dijadikan sebagai salah satu usaha atau idea pengkaji untuk menjadikan industri perfileman ini sebagai industri yang mempunyai reputasi tinggi dan bersifat positif terhadap industri filem Malaysia. Di samping itu, gandingan semua pihak termasuk pentadbir, penyelidik, penggiat, pelabur, penonton dan sebagainya mampu membina industri filem sebagai sebuah industri yang kondusif dan kompetitif, sekali gus memperkukuhkan industri filem dalam meraikan peradaban abad ke-21.

LAMPIRAN**BAHAGIAN A: Demografi responden**

Bil	Demografi
1.	Jantina (Lelaki) (Perempuan)
2.	Umur (18-25 tahun) (26-34 tahun) (35 dan ke atas)
3.	Bangsa (Melayu) (Cina) (India)
4.	Status (Bujang) (Berkahwin)
	Tahap pendidikan
	(Sekolah menengah)
	(Diploma)
	(Ijazah)
	(Master)
	Pekerjaan

(Kerajaan)

(Swasta)

(Sendiri)

Bahagian B: Soalan Soal Selidik.

Bil	Soalan
1.	Adakah anda rasa filem Zombi Kampung Pisang ini memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan kritikan sosial?
2.	Adakah filem yang menekankan dari segi kritikan sosial iaitu mengangkat isu kemasyarakatan dapat dilihat dalam filem Zombi Kampung Pisang?
3.	Adakah wajar golongan asing yang menyerang serta menjajah kehidupan masyarakat Melayu yang ditunjukkan dalam filem Zombi Kampung Pisang ini?
4.	Pada pandangan anda sebagai penonton, adakah kritikan sosial yang disampaikan oleh Mamat Khalid ini memberi kesan yang baik?
5.	Adakah kritikan sosial dalam filem ini juga merupakan suatu perkara yang sangat penting kerana filem adalah sebahagian daripada cerminan masyarakat?
6.	Adakah Mamat Khalid ini merupakan seorang pengarah yang banyak dengan idea menarik dan beliau juga cukup peka dengan latar sosial atau masalah sosial dalam filem arahnya ini?
7.	Adakah kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem Zombi Kampung Pisang ini merupakan cara yang berkesan digunakan oleh seorang pengarah bagi menyampaikan idea atau kritikan terhadap masyarakat?
8.	Wajarkah kelunturan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat filem Zombi

Kampung Pisang ini wujud?

9. Adakah golongan muda akan terjebak dengan vandalism sekiranya masyarakat tidak prihatin terhadap keamanan negara yang ditunjukkan dalam filem Zombi Kampung?
10. Patutkah budaya asing yang bergejala dalam kalangan masyarakat melayu yang ditunjukkan dalam filem Zombi Kampung Pisang ini dikurangkan agar dapat membentuk semula perpaduan kaum?
11. Adakah anda sebagai penonton filem yang menonton filem Zombi Kampung Pisang ini menyokong pengarah Mamat Khalid yang menghasilkan filem sebegini kepada masyarakat?

BIBLIOGRAFI

Abd Aziz Itar. (5 Mei 2008). Apakah itu filem Malaysia. Utusan Malaysia.

Abd Aziz Itar. (24 April 2013). Filem Mamat Khalid Sarat Wadah Budaya. Utusan Malaysia.

Adi Pranajaya. (1993). *Filem dan Masyarakat*. Jakarta: Yayasan Citra.

Aida Rizmariza Kamaruddin. (19 Februari 2012). Realiti Sosial Diabai. Utusan Malaysia.

Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman. (2010). *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn.Bhd.

Asiah Sarji, Faridah Ibrahim, D., & Mazni Buyung. (1996). *Pola Pengamalan Profesionalisme dalam Industri Filem Malaysia*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia(FINAS).

Aziz Dwi Prakoso. (2012). *Kritikan Sosial dalam Novel Detik-detik Cinta Menyentuh Karya Ali Shabab Sebuah Tinjauan Sosiologi Teks*. ejournal, 2(1).

Azizah Hamzah. (2004). *Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosio budaya, Jurnal Pengajian Media, Universiti Malaya, Jilid 6, Nombor 1, muka surat 1-9*.

Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan (Edisi Kedua)*, Kuala Lumpur: McGraw Hill

Hasni Abas. (2006). Patriotisme dalam Puisi-puisi Dharmawijaya. *Sastera Kebangsaan: Isu dan Cabaran*. (Hamzah Hamdani). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Hamzah Hussin. (2004). *Memoir Hamzah Hussin Dari Keris Film Ke Studio Merdeka*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hashim Awang, Othman Puteh, Ramli Isin & Sahlan Mohd Saman. (1985). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Johan Jaafar. (26 September 2012). Filem Tempatan Perlukan Bahan Sastera. Berita Harian.

Kamus Dewan. (2007). *Kamus Dewan (ed.4)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ku Seman Ku Hussain. (15 Ogos 2011). Filem Melayu dan Keadilan sosial. Utusan Malaysia.

Mahadi J Murat. (2006). Filem Melayu, Fdam Filem Melayu.

Mohd Taib Osman. (2004). *Globalisasi, Patriotisme dan Isu-isu Kemasyarakatan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Naim Haji Ahmad. (1995). *Filem Sebagai Alat dan Bahan Kajian*. Selangor: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.

Othman Puteh. (2008). *Perkembangan Cerpen Melayu Moden 1940-1969*. (Siti Aisah Murad). *Penelitian Sejarah Kesusasteraan Melayu 1940-1969*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Philips, A.J., Edisi kedua (2011), *Educational Research Methodology*, Kuala Lumpur: Open University Malaysia.

Plowright, D. (2011), *Using Mixed Methods: Frameworks for an Integrated Methodology*, London: Sage.

Siti Athirah Dzulkifly. (19 Disember 2010). *Tragedi di Kampung Pisang* . Utusan Malaysia.

Sohaimi Abdul Aziz. (2007). *Novel dalam Kritikan. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia*.

S.M. Zakir. (2010). *Filem dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Suraidah binti Othman. (2010). *Kritikan Sosial dalam Drama-drama Mohamed Ghouse Nasuruddin*. Tesis Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.

Yasnur Asri, Idal & Zulfadhli. (2012). *Kritik Sosial dalam Kumpulan Puisi Malu Aku Jadi Orang Indonesia Karya Taufiq Ismail*. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. 1(1).

Yeoh Sye Ni. (2010). *Mat Rempit*. ([http:// starflower-gejalasosial.blogspot.com/2010/08/matrempit.html](http://starflower-gejalasosial.blogspot.com/2010/08/matrempit.html))

